

Jilid I
Bil. 92



Hari Jumaat
20hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

first Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 15201]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 15253]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 25 [Ruangan 15253]

Maksud B. 26 [Ruangan 15254]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P. 25 [Ruangan 15253]

Maksud P. 26 [Ruangan 15254]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P", S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., **PLS.** (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAPIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAHED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAK BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD, ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KJM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R, KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau),
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., PJ.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P** . (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.LJ., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PrriRING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 20hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUTBAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**BEKALAN AIR KEPADA
PENDUDUK LABUAN**

1. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bilakah pembekalan air kepada penduduk Labuan akan dimulakan melalui projek pembekalan air jangka pendek dari Sungai Kina Benuwa;
- (b) bilakah projek ini sepatutnya disiapkan; dan
- (c) sekiranya projek ini terlambat disiapkan, apakah tindakan Kementerian terhadap kontraktor berkenaan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Penduduk-penduduk Labuan mendapat bekatan air melalui Empangan Bukit Kuda. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Empangan Bukit Kuda yang telah siap pembinaan dapat menyimpan air sebanyak 1,100 juta gelen. Namun demikian, empangan

tersebut tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang bertambah. Oleh itu, satu projek jangka pendek untuk mengepam air dari Sungai Kina Benuwa ke Empangan Bukit Kuda sekarang sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, projek ini hanya akan berfungsi apabila hujan turun. Projek Sungai Kina Benuwa yang bertujuan menambah simpanan air ke Empangan Bukit Kuda dijangka dapat beroperasi pada Februari, 1988.

- (b) Mengikut jadual, projek ini sepatutnya siap pada Oktober, 1987. Kelewatan ini disebabkan masalah pengambilan balik tanah dan musim hujan.
- (c) Setakat ini kontraktor utama telah diberi lanjutan masa sehingga 5hb November, 1987 kerana kelewatan itu disebabkan oleh masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan. Setakat ini Jabatan Kerja Raya Labuan sedang mempertimbangkan permohonan kontraktor untuk lanjutan masa. Sekiranya kelulusan tidak diberi, maka denda sebanyak \$2,000 sehari akan dikenakan.

Empangan Bukit Kuda tidak dapat menyimpan air pada paras yang dikehendaki disebabkan oteh permintaan bertambah dan oleh kerana kawasan tadahan (catchment area), dengan izin, kecil menyebabkan air

hujan yang turun tidak terkumpul dengan sepenuhnya. Oleh hal yang demikian, projek Sungai Kina Benuwa dibuat untuk mengempam air ke Empangan Air Bukit Kuda supaya mencapai paras yang dikehendaki.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dalam program membekalkan air untuk kegunaan domestik dan industri di Labuan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Yang kedua ialah berkenaan dengan pembekalan air daripada Sabah yang akan dijalankan oleh Syarikat Labuan Supply Sdn Bhd melalui sistem perpaipan di bawah laut yang akan dijangka beroperasi dua tahun daripada sekarang.

Soalan saya adakah Kementerian akan terus menggunakan kawasan tadahan dan kawasan Empangan Air di Bukit Kuda dan kawasan-kawasan lain. Sekiranya ya, adakah ini akan menimbulkan cost effective jika dibandingkan dengan pembekalan air melalui sistem air perpaipan nanti. Dan sekiranya empangan ataupun kawasan tadahan ini tidak akan digunakan, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengembalikan tanah yang telah diambil balik oleh Kerajaan kepada tuan punya tanah. Ini adalah penting kerana Labuan merupakan sebuah pulau yang kecil dan tanah adalah merupakan sumber yang berkurangan atau terhad (limited).

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, unuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini, saya memohon kalau dapat selepas soal jawab nanti saya serahkan semua detail-detail yang ada di sini dengan saya kepada Ahli Yang Berhormat. Biarlah Yang Berhormat pergi ke Labuan menerangkan dengan penduduk-penduduk Labuan mengenai keadaan

yang sebenarnya terhadap masalah-masalah bekalan-bekalan air dan tanah-tanah yang disebutkan. Saya mohon izin.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada masalah bekalan air di Sabah, khususnya di daerah Kudat sekarang saya sedang menghadapi masalah yang rumit sekali kerana kemarau telah melanda kawasan ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap di tempat lain. Apa yang ditanya di sini penduduk Labuan. Kalau lain daripada tempat Labuan itu tidak boleh tanyalah. Bukan bersangkut.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Ya, ini soalan bekatan air juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, tetapi yang ditanya ini di Labuan.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat Tuan Mohammed Yusoff.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membuat pembetulan pada baris yang ke lima tertulis di sini "orang-orang Islam menjadi agen keadaannya". Yang sebenarnya "orang-orang Islam menjadi agen kepadaanya".

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

SYARIKAT TAKAFUL ISLAM

2. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah sambutan yang diberi oleh masyarakat Islam terhadap syarikat Takaful Islam dan berapa banyakkah cawangan-cawangannya ditubuhkan di seluruh

negara dan tidakkah syarikat ini bercadang melantik syarikat swasta orang-orang Islam menjadi agen kepadanya di seluruh negara. Kalau tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, sambutan yang diberikan oleh masyarakat Islam terhadap syarikat Takaful Islam yang diuruskan mengikut prinsip Al-Mudarabah adalah memuaskan. Pada 30hb Jun, 1986, iaitu tahun pertama, syarikat ini mengendalikannya, bilangan peserta Takaful berjumlah 6,200 orang. Pada 30hb Jun, 1987 bilangan ini telah bertambah meningkat kepada 24,000 orang. Pada masa ini, Syarikat Takaful, Malaysia Sdn Bhd mempunyai 7 pejabat cawangan iaitu di Kota Bharu, di Kuala Terengganu, di Melaka, di Kuantan, di Alor Setar, di Ipoh dan di Johor Bahru. Di samping itu juga, syarikat telah membuka Meja Takaful ataupun, dengan izin "Takaful Desk" di pejabat-pejabat Khadi Daerah. Syarikat Takaful tidak melantik mana-mana pihak sebagai "Agen", dengan izin—itu sebutan "Mak Baku"—kerana sistem agensi yang melibatkan pembayaran commission kepada agensi yang diletak daripada sumbangan Takaful dibuat oleh peserta adalah bertentangan dengan Syariah Islam.

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk membuka pejabat cawangan di luar negeri terutama sekali di negara-negara Islam yang lain. Jika ada, apakah persiapan-persiapan yang dibuat, dan jika tidak ada perancangan ini, bilakah agaknya perancangan ini akan diadakan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar syahkat ini akan cuba mengukuhkan kedudukan dalam

negeri dahulu. Jika sekiranya diizinkan Allah, kemungkinan akan diperkembangkan di tempat-tempat lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah di atas penubuhan Takaful ini. Saya ingin bertanya, berapakah modal penubuhan semasa ditubuhkan syarikat ini dan juga keuntungan yang telah dicapai setakat ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, modal syarikat ini yang telah dibayar ialah \$10 juta Malaysia. Izinkan saya menerangkan sedikit berkenaan dengan keuntungan. Syarikat ini telah pun mendapat keuntungan underwriting, dengan izin, ataupun keuntungan lebih penanggungan pada peringkat tahun pertamanya ialah 22.46% dan pada tahun kedua 31.80%, iaitu pada tahun pertama \$315,986 dan pada tahun yang kedua \$1,495,372. Itu adalah underwriting profit ataupun surplus. Tetapi pada keseluruhannya dalam tahun kewangan yang pertama, syarikat ini telah mendapat sebanyak lebih kurang \$932,329 tetapi pada tahun kedua syarikat ini telah mencapai satu tahap "break even" iaitu kedudukan yang boleh dikatakan membanggakan apabila ia mencapai satu tahap yang boleh dikatakan seperti saya katakan tadi "break even".

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN

3. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah kesan yang diperolehi dari segi pelancongan terhadap pengeluaran pendaftaran kepada agensi-agensi kendalian pelancongan dan agensi-agensi pengembaraan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman); Tuan Yang di-Pertua, Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Perniagaan Kendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1985 yang bertujuan untuk mengawal dan menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti enterprise pelancongan telah dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan mulai 1hb Jun, 1985. Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak, Peraturan tersebut telah dikuatkuasakan pada 1hb September, 1987 yang baru lalu. Peraturan ini diwajibkan semua enterprise pelancongan agensi-agensi pelancongan dan Pengembaraan mendaftar dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan masing-masing. Dengan penguatkuasaan Peraturan-peraturan tersebut maka kesan yang diperolehi dari segi pelancongan, antaranya ialah:

- (i) kawalan-kawalan yang tertentu telah dapat dijalankan dan aktiviti serta kegiatan curang dalam perniagaan enterprise pelancongan, misalnya pelanggan tidak mungkin lagi ditipu oleh enterprise pelancongan. Di samping itu Kementerian telah dapat menghalangkan persaingan yang tidak adil dan tidak sihat di kalangan mereka yang menjalankan perniagaan yang sedemikian. Dengan penguatkuasaan dan peraturan ini juga dengan lebih tepat lagi Kerajaan dapat mengawal pertumbuhan, dengan izin, "fly by night operators" yang di masa-masa lepas telah menjejaskan imej baik industri pelancongan negara ini sendiri.
- (ii) Kerajaan juga telah membuka perhubungan yang erat serta

melahirkan keyakinan di kalangan pengusaha-pengusaha pelancongan kerana penglibatan Kerajaan dalam aktiviti mereka;

- (iii) para pengguna dapat dilindungi kepentingan mereka sama ada pengguna-pengguna dalam negeri ataupun pengguna-pengguna dari luar negeri kerana kepentingan mereka terjamin disebabkan perniagaan enterprise pelancongan di negara kita adalah sentiasa dikawal;
- (iv) semua kegiatan pelancongan seperti agen-agen pelancongan luar negeri dan dalam negeri, hotel-hotel di luar dan di dalam negeri dan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti pengangkutan dan sebagainya dapat diyakinkan dari segi imej itu sendiri.

Kesimpulannya pelaksanaan Peraturan ini telah dapat mewujudkan enterprise pelancongan yang tulin, berkemampuan serta berpengalaman bagi menjalankan perniagaan mereka seterusnya secara langsung dan telah dapat meningkatkan lagi imej industri pelancongan negara serta melahirkan keyakinan di kalangan pengusaha-pengusaha pelancongan luar negeri dan dalam negeri untuk berurusan dengan enterprise-enterprise pelancongan di Malaysia.

Tuan Lee Lam Thy: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu berapa buah agensi-agensi pelancongan ataupun agensi-agensi pengembaraan yang palsu yang telah dilaporkan kepada Kementerian yang berkenaan dan sama ada pihak Kementerian yang berkenaan telah melaporkan kes itu kepada pihak Polis? Apakah tindakan yang diambil untuk mengendatikan

kes-kes ini? Di samping itu juga, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu Rang Undang-undang yang baru untuk memastikan bahawa kegiatan-kegiatan agensi-agensi pelancongan yang palsu tidak wujud?

Tuan Abdul Kaman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang dengan adanya Akta ini, tujuannya ialah untuk mengenalpasti agensi-agensi yang tidak mengendalikan pelancongan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sehingga sekarang, bagi menjawab soalan yang pertama, kita telah dapat mengenalpasti sejumlah 347 agensi pelancongan yang telah menjalankan kegiatan dengan secara palsu ataupun tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Sebagai tambahan, kita telah juga mengenalpasti pemandu-pemandu pelancong iaitu sebanyak 138. Jumlah keseluruhan kegiatan-kegiatan yang dianggap menyeleweng ataupun tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Akta itu ialah 485 semuanya.

Mengenai soalan yang kedua iaitu tindakan kepada kes-kes ini memang yang mana mempunyai bukti-bukti kita telah mengemukakan kes-kes ini ke mahkamah iaitu jumlah yang telah didaftarkan di mahkamah semuanya ialah 69. Di samping itu di mana kes-kes yang boleh kita mengenakan kompaun, kita juga mengkompaun iaitu sebanyak 270 jumlah yang telah kita kompaunkan.

Mengenai Rang Undang-undang baru, memang dari satu masa ke satu masa pihak Kementerian akan mengkaji perkara ini dan jika difikirkan perlu kita akan meminda undang-undang tersebut. Tetapi setakat ini peruntukan-peruntukan yang ada telah mencukupi, cuma apa yang perlu kita buat iaitu

memperbaiki sistem ataupun penguatkuasaan undang-undang tersebut.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pengeluaran pendaftaran sudah tentu ada peraturan-peraturannya. Saya ingin tahu apakah syarat-syarat dan peraturan untuk mendaftar sebagai agen kendalian pelancongan dan agensi-agensi pengembaraan. Dan kalau ada peraturan, sebagai manusia selalunya dia suka melanggar, katau tidak, tidaklah ada jel di dunia dan neraka di akhirat. Berapa banyakkah jumlah wang yang dikutip daripada pelanggaran-pelanggaran syarat yang telah dikompaunkan mengikut maklumat Yang Berhormat tadi?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak syarat yang patut saya terangkan tetapi memadai saya terangkan beberapa yang penting sahaja. Bagi membolehkan satu agensi pelancongan ataupun pihak-pihak tertentu untuk mendaftar dengan TDC, syarikat berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendaftar dengan Pendaftar Syarikat di bawah peruntukan Akta Syarikat. Yang kedua, syarikat tersebut mestilah mempunyai kesesuaian pejabat dari segi saiz dan lokasi pejabat khususnya digunakan untuk pelancongan tanpa kegiatan-kegiatan lain. Di samping itu jumlah modal berbayar hendaklah tidak kurang daripada jumlah minimum yang ditetapkan oleh Perbadanan seperti berikut:

<i>Jenis Perniagaan</i>		<i>Jumlah Minimum Modal Berbayar</i>
Perniagaan pelancongan negeri	kendalian dalam	\$ 30,000
Perniagaan pelancongan luar negeri	kendalian	\$ 60,000
Perniagaan pelancongan dalam dan luar negeri	kendalian dalam dan	\$ 90,000

<i>Jenis Perniagaan</i>	<i>Jumlah Mimum Modal Berbayar</i>
Perniagaan agensi pengembaraan	\$ 50,000
Perniagaan agensi pelancongan dalam negeri dan agensi pengembaraan	\$ 80,000
Perniagaan kendalian pelancongan luar negeri dan agensi pengembaraan	\$110,000
Perniagaan kendalian pelancongan dalam dan luar negeri serta agensi pengembaraan	\$100,000

Agensi tersebut mestilah juga mempunyai kakitangan yang berpengalaman, kedudukan kewangan yang teguh, nama syarikat hendaklah sesuai dan jelas melambangkan bahawa syarikat yang hendak ditubuhkan itu menjalankan agensi pelancongan dan pengembaraan.

Mengenai soalan yang kedua iaitu jumlah yang dikutip dan ini akibat daripada tindakan-tindakan mahkamah ataupun kes kompaun yang saya telah jawab kepada soalan Yang Berhormat dari Bukit Bintang, bagi kes-kes di mahkamah pendapatan dari tindakan mahkamah ialah sebanyak \$12,800 dan bagi kes kompaun ialah \$54,650.

PENGAMBILAN ALIH LEMBAGA LETRIK SABAH

4. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang dimeterai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah atas pengambilan alih Lembaga Letrik Sabah (SEB), sama ada ini juga termasuk pengambilan alih pinjaman sebanyak \$300 juta yang diambil oleh SEB, jika tidak, mengapa;

- (b) bilakah Kerajaan akan menurunkan kadar bayaran elektrik di Sabah supaya separas dengan yang dikenakan di Kuala Lumpur. Jika tidak, sama ada Kerajaan Persekutuan ingin meminta pengguna-pengguna elektrik di bandar membayar subsidi untuk pengguna-pengguna elektrik luar bandar di Sabah.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 1hb Januari, 1984 Lembaga Letrik Sabah telah dipindah tarafnya kepada sebuah badan Kerajaan Negeri kepada Badan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa langkah pemindahan itu bermakna segala harta dan segala tanggungan Lembaga Letrik Sabah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Ini termasuklah pinjaman Lembaga Letrik Sabah daripada Kerajaan Negeri Sabah dan segala pinjaman-pinjaman yang lain.

Bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri Sabah oleh Lembaga Letrik Sabah adalah terlakluk kepada perkiraan nilai ketara bersih Lembaga Letrik Sabah, menurut nilai pasaran.

Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah kini sedang menjalankan urusan penilaian ke atas harta-harta Lembaga Letrik Sabah yang diperolehi setakat Disember, 1983. Sebaik sahaja urusan penilaian ini disiapkan, iaitu dalam tempoh beberapa bulan lagi, maka urusan mengenai bayaran balik, jika ada, akan dapat ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, Lembaga Letrik Sabah telah membuat perubahan tarif elektrik pada 1-4-1986 di mana pengguna domestik dan pengguna

perdagangan dan perindustrian telah menikmati penurunan sebanyak 5%, 10% dan 12% masing-masing dan Lembaga Letrik Sabah tidak bercadang menurunkannya lagi setakat ini kerana tidak ada keupayaan dari segi kewangan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini mengenai Sabah, namun saya ingin hubungkan dengan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Minta hubungi kepada Sarawak tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak, dalam soalan itu nanti fasal sekarang kita bercakap mengenai tingginya tarif bayaran bagi orang Sabah dan juga orang Sarawak kepada Lembaga Letrik ini dan ketinggian ini begitu ketara berbanding dengan apa yang dibayar oleh pengguna-pengguna di Kuala Lumpur dan juga di Semenanjung. Adakah rancangan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggunakan hasil daripada Projek Bakun nanti supaya dapat disebarkan ke Sabah dan juga Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan menjamin akan turunnya tarif dikenakan kepada pengguna-pengguna di Sabah dan Sarawak nanti?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikaitkan tentang tarif elektrik dengan Projek Bakun, saya tidak berupaya menjawabnya di Dewan ini pada ketika ini. Dan kalau kita hendak menjangka kemungkinan menurunkan tarif elektrik pada masa hadapan melalui kerjasama di antara keupayaan yang ada di Semenanjung dan Sabah dan juga Sarawak, kemungkinan itu boleh diusahakan pada masa akan datang.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ternyata kepada kita

penjanaan untuk membekalkan tenaga elektrik di luar bandar lebih tinggi daripada penjanaan tenaga elektrik di kawasan bandar. Soalan saya, sejauh manakah pembinaan mlni-hidro di luar bandar dapat mengurangkan perbezaan ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang benar penjanaan elektrik di luar bandar kalau bukan menggunakan sistem mini-hidro adalah tinggi kosnya. Jadi oleh kerana kita tidak boleh membezakan antara tarif di bandar dan luar bandar maka kos penjanaan yang tinggi di luar bandar terpaksa ditampung pada keseluruhan tarif yang wujud pada masa sekarang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah sekarang ini ada lebih kurang 5 projek mini-hidro yang sedang disiapkan dan dalam masa tidak sampai setahun lagi kesemuanya akan siap, dan setiap daripada mini-hidro yang wujud itu ianya terasmg antara satu dengan yang lain dan bekalan nanti akan dapat dinikmati oleh masyarakat tempatan di mana wujudnya mini-hidro itu. Dan pada keseluruhannya apabila dicampurkan kos penjanaan yang rendah daripada sistem mini-hidro ini, maka kemungkinan besar dapat mengurangkan kos penjanaan elektrik di seluruh negeri Sabah.

BANDARAYA—USAHA KEBERSIHAN DAN PENGINDAHAN

5. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan Bandaraya Ibukota Kuala Lumpur antara satu-satunya bandar yang cantik dengan kebersihan-kebersihan yang pada pandangan depannya tetapi didapati banyak perkara kekotoran-kekotoran dan sampah sarap di belakang-belakangnya dalam

Bandaraya ini. Tidak adakah usaha-usaha rapi bagi menyempurnakan kebersihan secara menyeluruh untuk mengelakkan dari penyakit-penyakit yang menyebabkannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menghargai usaha-usaha Kerajaan selama ini untuk menjaga kebersihan dan mengindahkan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagaimanapun Kerajaan menyedari bahawa usaha-usaha menjaga kebersihan dan pengindahan Bandaraya ini agak berkesan buat masa ini di bahagian depan bandar. manakala keadaan-keadaan kekotoran dan sampah sarap masih dapat dilihat di bahagian belakang, terutama di lorong-lorong belakang bandar.

Sebenarnya dari segi susunatur dan jalinan jalan raya, Bandaraya Kuala Lumpur mewarisi apa yang telah ditinggalkan oleh perancang penjajah Inggeris. Oleh yang demikian terdapat banyak lorong-lorong belakang dan lorong-lorong kecil di pusat bandar yang masih tidak berubah characternya dari sejak dahulu lagi. Suasana persekitaran begini telah membentuk kawasan lorong-lorong belakang menjadi kawasan penjaja yang popular kerana kurang menerima gangguan dari lalulintas kenderaan. Lorong-lorong belakang yang menjadikan pusat penjaja ini juga mengalami masalah kekotoran akibat daripada aktiviti penjaja yang tidak mementingkan kebersihan dan dijadikan sebagai tempat membuang sampah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha ke arah menjaga kebersihan dan pengindahan

Bandaraya Kuala Lumpur adalah tidak mengeneipkan kawasan-kawasan lorong-lorong belakang. Kajian terhadap susunatur dan jalinan jalan raya terus dilakukan di mana peranan dan fungsi jalan-jalan dan lorong-lorong belakang ini diteliti untuk melihat kepentingannya.

Dalam hubungan ini ada beberapa pilihan yang dipertimbangkan iaitu, pertama, dengan menukar fungsi jalan lorong ke jalan biasa dengan melebarkan lorong berkenaan, atau kedua, menjadikan lorong berkenaan sebagai kawasan berjalan kaki.

Selain daripada itu, dari segi perancangan, langkah ini juga dijalankan dengan tujuan menggalakkan rumah kedai double frontage dan pembangunan yang comprehensive yang mana dengan cara ini unsur-unsur landscape dan usaha-usaha mencantikkan alam sekitar dapat dimasukkan.

Pembangunan comprehensive ini akan menukarkan character aktiviti perniagaan penjaja kepada jenis yang lebih kemas. Di samping itu, program terus diatur dari masa ke semasa bagi memindahkan penjaja supaya tidak berniaga di kawasan lorong belakang. Program ini diatur dengan kerjasama dari pihak swasta khususnya pemilik bangunan-bangunan tinggi yang diminta untuk menyediakan ruang penjaja di hadapan bangunan mereka. Kesan dan langkah-langkah perancangan begini telah dapat dilihat seperti di kawasan-kawasan tertentu di pusat bandar. Lorong-lorong belakang yang telah dapat diubah characternya ialah seperti Lorong Tuanku Abdul Rahman, terutamanya kawasan di antara Globe Silk Store dan Semua House dan juga kawasan di Medan Tunku.

Seterusnya, tindakan-tindakan kebersihan yang biasa terus dilaksanakan bagi meningkatkan

keadaan kebersihan di lorong-lorong belakang. Langkah mengadakan pusat-pusat tong sampah dan memasang tong-tong sampah kecil diadakan di sepanjang jalan dan lorong-lorong belakang bandar, manakala penjaja yang masih belum dipindahkan terus diberi khidmat nasihat untuk memberikan kepentingan menjaga kebersihan di mana mereka adalah disyaratkan supaya menggunakan tong sampah dan karung plastik.

Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Persatuan Penjaja juga terus mengadakan kerjasama gotong-royong dan operasi kebersihan dari masa ke semasa.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini jumlah peruntukan yang diperuntukkan bagi membersihkan Bandaraya Kuala Lumpur daripada sampah sarap selama beberapa tahun ini dan dengan peruntukan tersebut apakah Kuala Lumpur di segi kecantikan dan kebersihan dapat setanding dengan ibu-ibu negara-negara lain?

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah bertanding dengan ibu-ibu negara lain? (*Ketawa*)

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan bagi kebersihan bandar adalah sebanyak \$20 juta dan bagi tahun 1984 mengangkut sampah sahaja \$17 juta sedangkan mencuci longkang sebanyak \$17.5 juta dan memotong rumput \$6.6 juta. Bagi tahun 1985, sebanyak \$17 juta untuk mengangkut sampah dan bagi tahun 1986 \$17.9 juta bagi mengangkut sampah dan bagi tahun ini iaitu tahun 1987 anggaran adalah sebanyak \$16.5 juta bagi mengangkut sampah.

Sama ada Kuala Lumpur boleh setanding dengan ibu negara di lain-lain tempat, saya suka hendak memberitahu bahawa Kuala Lumpur telah pun dapat recognition, dengan izin, sebagai ibu negara, selain daripada Singapura, yang tercantik, yang terbersih, yang dapat membuat lain-lain negara begitu kagum. Ini dapat saya quote ucapan Setiausaha Agung Commonwealth, Sir Sridath Ramphal, ketika beliau berucap di "Capitals of the World" Conference di Ottawa pada bulan lalu, iaitu, dengan izin,

"Singapore and Kuala Lumpur are now two of the most attractive cities in the world with an order and cleanliness that would put many Western cities into shame".

Jadi dengan recognition demikian, saya rasa Kuala Lumpur dapat kita sama-sama bangga sebagai kota yang tercantik dan terbersih.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Selain daripada usaha-usaha Dewan Bandaraya untuk membersihkan beberapa tempat yang dikatakan kotor, tetapi ada banyak tempat lagi yang lebih kotor daripada sampah seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Apakah tindakan Kerajaan khasnya Dewan Bandaraya untuk membuat pembersihan? Sebagai contoh, tempat-tempat pelacuran dan juga tempat-tempat yang digunakan oleh belia-belua yang menagih dadah dan sebagainya.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya tidak ada kompromi tentang soal kebersihan. Kita sentiasa mengenakan tindakan compound on the spot kepada mana-mana pihak yang telah membuang sampah dan compound ini adalah sebanyak antara \$50 hingga \$100. Tetapi bagi usaha selain daripada compound ini, kita juga mengadakan gotong royong dengan

Persatuan-persatuan Penduduk dan Dewan Bandaraya telah mengambil tindakan untuk mengadakan pembersihan dua kali sehari di pusat bandar selain daripada road sweepers

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya tadi tempat pembersihan seperti yang saya sebutkan, tempat pelacuran dan juga tempat-tempat yang digunakan oleh belia-belia untuk menagih dadah. Pembersihan itu yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata tiada kompromi. (*Ketawa*)

Drs Suleiman bin Mohamed: Termasuk tidak ada kompromi kalau ada soliciting mengenai pelacuran ini, memang Dewan Bandaraya telah mengambil tindakan dengan bantuan pihak berkuasa Polis supaya pelacur-pelacur ini juga didisiplinkan (*Ketawa*) supaya mereka dalam mencari nafkah mesti juga tahu menjaga kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur. (*Ketawa*)

GURU-GURU TERLATIH DI SABAH—KEKURANGAN

6. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa di negeri Sabah menghadapi kekurangan guru-guru, terutama di kawasan luar bandar dan apakah langkah-langkah diambil menyelesaikan masalah ini; dan
- (ii) sama ada Kementerian beliau bercadang menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk menarik minat orang-orang menjadi guru dan

juga dapat mengurangkan guru-guru meninggalkan profesyen ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) Kementerian Pendidikan memang menyedari wujudnya kekurangan guru-guru terlatih di Sabah. Kekurangan guru-guru terlatih bukan sahaja terdapat di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah, malah juga terdapat di kawasan-kawasan luar bandar di negeri lain di Malaysia. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membekalkan guru-guru terlatih dan berkelayakan di kawasan-kawasan luar bandar demi kepentingan kemajuan murid-murid kita.

Di antara langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah ini adalah seperti berikut:

- (a) Menambahkan bilangan guru-guru Semenanjung yang ditempatkan di Sabah.
 - (b) Menambahkan lagi pengambilan guru-guru pelatih yang berasal dari negeri Sabah.
 - (c) Meneruskan Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi guru-guru sandaran di Sabah.
- (ii) Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk memberikan kemudahan yang lebih baik untuk menarik minat bakat-bakal guru. Di antara kemudahan-kemudahan yang disediakan ialah:
 - (a) Di mana yang boleh Kementerian Pendidikan akan menolong mencarikan

tempat kediaman untuk guru-guru;

- (b) elaun-elaun yang dinikmati oleh guru-guru akan terus diberi kepada mereka yang telah tamat tempoh ikatan perjanjian dan ingin terus berkhidmat di Sabah; dan
- (c) guru-guru yang telah berkhidmat selama 5 tahun di Sabah akan diberi pertimbangan untuk bertukar ke kawasan yang mereka pohon.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Sebentar tadi kiii tahu, Tuan Yang di-Pertua, masalah Kerajaan kita kekurangan wang sekarang. Saya ingin bertanya, adakah pihak Kerajaan mencadangkan supaya di Sabah atau di Sarawak kerana begitu banyak sekolah-sekolah kemungkinan murid-muridnya kurang, tidak adakah cadangan supaya murid-murid ini disatukan di satu sekolah jikalau sekolah itu banyak yang berdekatan dan dengan ini dapat mengurangkan tenaga guru-guru.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pantai itu memang ada juga dipertimbangkan oleh Kementerian Pendidikan kerana kita memang sentiasa mencari cara dan jalan di mana yang praktik untuk kita menggunakan seberapa tenaga guru kita dan juga peruntukan-peruntukan wang yang kita ada untuk dapat memberikan pendidikan yang lebih berkesan kepada murid-murid kita dan juga seiring untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan tenaga dan kekurangan wang yang kita hadapi sekarang.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kekurangan guru di Sabah, saya ingin

bertanya berapa ramaikah guru-guru di Semenanjung yang telah dihantar bertugas di negeri Sabah setakat hari ini dan adakah mereka ini mendapat sebarang ganjaran atau tambahan-tambahan elaun semasa bertugas di negeri tersebut.

Yang kedua, berhubung dengan guru-guru yang meninggalkan profesyen ini, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan setakat hari ini bilangan guru-guru yang telah meninggalkan bidang profesyen ini dan adakah dapat dijelaskan sebab-sebab kenapa mereka meninggalkan bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang nombor dua itu amat sangat.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor dua ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang nombor satu boleh jawab, yang nombor dua itu terlampau meliputi negeri-negeri lain sama.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Soalan yang kedua

Tuan Yang di-Pertua: Minta jawab nombor satu sahaja.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan Yang Berhormat yang pertama tadi ialah bahawa bilangan guru-guru yang kita hantar dari Semenanjung ini yang berijazah dan juga latihan maktab ada ditempatkan di Sabah mulai tahun 1985 hingga 1987 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Orang</i>
1985	205
1986	111
1987	245

Tak payah jawab soalan kedua?

Tuan Yang di-Pertua: Tak payahlah.

Dr Leo Michael Toyad: Tak payah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

TUNTUTAN FILIPINA TERHADAP SABAH

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap rancangan Filipina yang bersedia menggugurkan tuntutan terhadap Sabah dengan syarat-syarat tertentu sebagaimana yang telah diumumkan bercadang ini. Adakah Malaysia bercadang untuk membuat sebarang bantahan atau "counter proposal" ke atas syarat-syarat itu.

15. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Malaysia sendiri dan juga gagasan negara-negara ASEAN agar Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah yang buat oleh bekas Presiden Filipina Diosdao Macapagal apabila negara itu memperolehi kemerdekaan dan memasuki gagasan Malaysia pada tahun 1963. Dengan adanya ini akan merapatkan lagi hubungan antara Manila dan Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat ini dan juga soalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pada hari ini juga telah pun diberi jawapan di Dewan yang mulia ini pada 2hb November semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan itu.

STESEN RADIO SABAH DAN SARAWAK—PENSWASTAAN

8. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Kementerian akan menjadikan stesen radio Sabah dan Sarawak diswastakan supaya mendapat program radio tempatan, jika tidak, apa sebabnya.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jeffrey): Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menegaskan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya perkhidmatan radio tidak diswastakan dan semua permohonan-permohonan untuk menubuhkan radio swasta telah ditolak. Dengan itu jelas bahawa stesen radio di Sabah dan Sarawak tidak akan diswastakan.

Antara sebab-sebab yang telah dibekkan ialah bahawa tugas radio bukanlah menghibur sahaja tetapi ianya merupakan alat komunikasi yang paling berkesan untuk menyebarkan berita dan penerangan-penerangan penting. Oleh itu ia harus dikawal dengan rapi oleh Kerajaan. Perkhidmatan radio yang diadakan sekarang ini juga meliputi lebih 90% daripada penduduk negara. Siaran dibuat di peringkat Nasional, Kawasan dan juga Tempatan. Ini adalah dianggap sudah memenuhi kepentingan dan keperluan negara serta rakyat dan perkhidmatan ini sedang ditingkatkan lagi dengan memperluaskan siaran FM Stereo ke seluruh negara. Kedudukan radio swasta yang sedia ada sekarang ini seperti Reddifusion adalah sedang di bawah kajian Kerajaan.

Tuan Mutang bin Tagal: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkhidmatan radio merupakan satu alat perhubungan yang amat penting untuk menyebarkan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat terutamanya rakyat di luar bandar di Sarawak dan Sabah, apakah langkah-langkah yang diambil supaya masa siaran dalam

bahasa tempatan seperti bahasa Iban, Kadazan, Murut, Limbawang, Bidayuh, Kayan, Kenyah dan sebagainya ditambah.

Kedua, apakah langkah yang diambil untuk memperbaiki penerimaan siaran radio terutama di luar bandar seperti di kawasan saya Limbang dan Lawas yang sekarang ini kurang memuaskan dan ketiga, sama ada Kementerian bercadang supaya membatalkan lesen yang dikenakan kepada radio yang dipunyai oleh penduduk luar bandar supaya dapat menolong mereka untuk menerima faedah yang besar daripada penggunaan radio yang begitu luas di luar bandar.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan berbagai dialek yang digunakan dalam siaran-siaran radio, saya percaya pada masa ini telah pun mencukupi. Seperti di Sabah juga meliputi berbagai bahasa, saya percaya di Sarawak juga begitu termasuk bahasa Iban dan yang lain-lain.

Yang kedua, berkenaan dengan kawasan-kawasan di mana penerimaan radio tidak begitu jelas, saya percaya sekarang ini kajian-kajian telah banyak dibuat di mana kita dapati ada kawasan-kawasan yang dipanggil pocket areas, dengan izin, masih belum dapat diliputi oleh siaran-siaran radio tetapi kawasan-kawasan yang dimaksudkan ialah cuma sebilangan kecil sahaja kerana seperti saya katakan tadi kawasan yang telah diliputi oleh radio setakat ini ialah sudah melebihi 90%. Jadi, paling banyak yang belum diliputi lebih kurang 10% termasuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan memansuhkan lesen radio kepada kawasan-kawasan yang tidak menerima siaran. Setakat ini belum ada rancangan yang, dikehendakkan

untuk memansuhkan lesen ini, tetapi walau bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji sedalam-dalamnya sebelum satu-satu tindakan diambil. Terima kasih.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Kerajaan tidak bercadang menswastakan stesen radio Sabah dan Sarawak dan sebagainya, adakah Kerajaan bercadang untuk meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen untuk mengendalikan stesen radio seperti mana yang Kerajaan buat iaitu mengeluarkan lesen kepada sistem Televisyen Malaysia ataupun TV3.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, telah saya katakan tadi bahawa Kerajaan telah menolak sebarang permohonan untuk menubuhkan radio swasta, walaupun sebelum ini memang ada pihak-pihak yang memohon untuk mendapatkan lesen daripada Kerajaan untuk menubuhkan radio swasta. Jadi saya berpendapat TV juga sama keadaannya yang mana TV juga serupa dengan radio sebagai satu alat perhubungan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah Dato' Syed Mohammed.

(Soalan No. 9 Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed tidak hadir).

SISTEM TOL TERTUTUP— PENOREH GETAH MENGALAMI KESUSAHAN

10. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan kesusahan yang dialami oleh 500 pekebun kecil, penoreh getah dan peniaga kecil yang bekerja di kedua-dua belah lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur sekeliling Cairo Estate dan

gerai-gerai yang terletak di tepi lebuh raya—mereka akan mengalami kesusahan kewangan dengan pelaksanaan sistem tol tertutup. Beliau mesti menyiasat tentang perkara ini dan menawar membina satu jalan yang lain untuk kegunaan mereka.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum sistem pungutan tol tertutup dilaksanakan, Kerajaan telah mengadakan kajian mengenai kesan-kesan ke atas penoreh-penoreh getah, pekebun-pekebun kecil dan peniaga-peniaga kecil di kawasan Estate Cairo supaya pelaksanaan sistem tol tertutup tidak menyulitkan mereka. Dengan terlaksananya sistem tol tertutup, penduduk-penduduk di situ dapat keluar masuk melalui jalan Nilai-Pajam yang sedia ada. Di samping itu Lembaga Lebuhraya Malaysia juga ada menyediakan dua buah "box culvert", dengan izin, yang boleh dilalui oleh kenderaan yang berada di kilometer 40 dan 42. "Culvert-culvert" tersebut boleh menghubungi mereka di sebelah kiri dan kanan lebuh raya. Dengan adanya kemudahan "culvert-culvert" itu, di kawasan saya percaya penduduk-penduduk di situ tidak menghadapi masalah dengan pelaksanaan sistem tol tertutup ini.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa bila beliau senang pergi menyiasat tempat itu sebab terowong itu merintang (block) dengan lumpur dan lain-lain dan tidak boleh dijalani oleh penoreh-penoreh getah sekarang.

Tuan Luhah Wan: Boleh. Kita boleh pergi siasat.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh pergi siasat. Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya hendak tanya mengenai tol secara umum, boleh atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kalau boleh saya tanya satu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

KEDUTAAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI—PERANAN

11. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri memberitahu setakat manakah kempen di luar negeri dibuat oleh kedutaan-kedutaan kita tentang:

- (1) Malaysia negara pelancongan yang menarik;
- (2) bahawa minyak kelapa sawit tidak mendatangkan apa-apa bahaya kepada kesihatan sebagaimana yang didakwa di Amerika Syarikat sekarang dan telah merebak ke negara-negara lain.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri sentiasa memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang menarik.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kedutaan-kedutaan kita telah pun dan akan terus memberi kerjasama kepada agensi-agensi yang berkaitan dengan pelancongan seperti TDC, MAS, Badan-badan Kebudayaan dan sebagainya di dalam usaha memperkenalkan Malaysia. Di samping itu, Kedutaan-kedutaan kita juga merupakan pusat penyebaran maklumat bagi menarik minat pelancong-pelancong asing. Ceramah-ceramah, tayangan-tayangan filem mengenai Malaysia dan penyebaran risalah-risalah pelancongan

merupakan aktiviti routine yang dijalankan oleh Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Di samping itu, para isteri-isteri dan kakitangan wanita Kedutaan-kedutaan kita melalui aktiviti-aktiviti perwakilan juga memainkan peranan dalam memperkenalkan negara kepada masyarakat setempat melalui persembahan kebudayaan, "fashion shows", "food fairs", "cultural shows", dengan izin, dan sebagainya. Majlis-majlis seperti ini diadakan untuk secara langsung menarik minat pelancong-pelancong dan menedahkan daya tarikan pelancongan yang terdapat di Malaysia.

Mengenai soalan kedua, Kementerian Luar Negeri sentiasa mengikuti dengan rapi perkembangan kempen memburuk-burukkan minyak kelapa sawit yang sedang dijalankan oleh American Soyabean Association (ASA) di Amerika Syarikat. Berikutan dengan ini, Kerajaan telah mengarahkan Kedutaan Malaysia di Washington untuk mengawasi dan mengambil langkah-langkah membanteraskan kempen tersebut. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa mengikut maklumat yang diperolehi dari Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri, adalah didapati bahawa kempen ini tidak merebak ke negara-negara lain. Namun demikian, Kedutaan-kedutaan kita tetap mengawasi segala perkembangan yang mempunyai implikasi buruk terhadap minyak kelapa sawit Malaysia.

Secara khususnya, Kedutaan Malaysia di Washington telah menjalankan beberapa langkah untuk meyakinkan pengguna-pengguna minyak kelapa sawit, pihak Pentadbiran dan Kongres Amerika Syarikat dan juga pihak Food and Drug Administration (FDA) Amerika Syarikat bahawa minyak kelapa sawit tidak mendatangkan apa-apa bahaya kepada kesihatan.

Di samping itu, pihak Kedutaan dengan kerjasama "Hill and Knowlton", sebuah firma perunding yang telah dilantik oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk membanteras kempen ini telah mengadakan kempen media massa bertujuan untuk menentang segala publisiti buruk mengenai minyak kelapa sawit dan di sebaliknya menyebarkan maklumat-maklumat positif mengenainya.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menggalakkan pelancongan dan menarik orang-orang asing ke negara kita, di Kedutaan-kedutaan adakah pihak Kerajaan telah bercadang ataupun akan mengadakan satu Pegawai Atase Pelancongan di tiap-tiap kedutaan.

Kedua, gambar-gambar, tayangan-tayangan wayang gambar yang disebarikan ataupun ditunjukkan di luar-luar negeri, adakah bagi pihak Kementerian telah mengadakan filem-filem baru ataupun masih lagi filem-filem lama ditayangkan. Itulah, Tuan Yang di-Pertua.

Toh Muda Dr Abdullah Kad/il bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kerajaan tidak mampu untuk mengadakan seorang Pegawai Atase di tiap-tiap Kedutaan kita di luar negeri. Hanya ada beberapa tempat sahaja yang difikirkan penting untuk Kerajaan meletakkan seorang pegawai yang dihantar oleh TDC untuk menggalakkan industri pelancongan ke Malaysia.

Yang kedua, gambar-gambar dan wayang-wayang gambar itu bercampur yang baru dengan yang lama. Ada yang baru dan ada yang lama. Ianya juga mengikut keadaan kemampuan Kerajaan, banyak peruntukan banyak bahan baru.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih lanjut lagi. Dengan penjelasan yang telah diberi tadi, iaitu mengenai kempen memperkenalkan Malaysia di luar negeri, seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ialah melalui beberapa aspek sahaja seperti fashion show dan sebagainya. Tetapi apa yang dilakukan itu adalah terbatas kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Soalan saya adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperluaskan kempen ini kepada yang lebih luas lagi iaitu melalui TV dan juga suratkhbar. Maksud saya melalui iklan-iklan dalam suratkhbar dan juga melalui iklan di dalam TV dan Radio. Terima kasih.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk kita mengiklankan Malaysia melalui akhbar-akhbar ataupun peti-peti televisyen adalah baik sekali, tetapi almaklumlah, kos publisiti ataupun kos untuk mengeluarkan iklan-iklan dalam TV terutamanya, amat mahal sekali dan ia memerlukan wang yang banyak. Sekiranya ada kemampuan oleh pihak Kerajaan kita untuk membuat demikian, insya Allah, akan kita buat.

PROJEK BEKALAN TENAGA LETRIK LUAR BANDAR

12. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah agaknya peruntukan-peruntukan bagi pelaksanaan Projek Bekalan Tenaga Letrik Luar Bandar dapat dikeluarkan terutama sekali untuk projek-projek yang telah pun diluluskan seperti Bekalan Tenaga Letrik Luar Bandar di Kg. Gaur, Kota Betud, Sabah dan lain-lain lagi Bolehkah peruntukan ini

dipercepatkan memandangkan khabar mengenai kelulusan tersebut telah pun sampai kepada pengetahuan penduduk berkenaan dan kini mereka merasa tidak tahan-tahan lagi untuk menunggu perlaksanaannya dengan lebih lama lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat ceiling peruntukan asal yang telah dicadangkan untuk Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak \$48.87 juta. Tetapi oleh kerana keadaan ekonomi negara yang tidak menggalakkan, maka dalam kajian semua ceiling peruntukan RML ini, Kerajaan hanya dapat menyediakan peruntukan sebanyak \$15 juta sahaja untuk tempoh RML bagi program BELB negeri Sabah.

Ceiling peruntukan ini iaitu sebanyak \$15 juta telah pun habis dibelanjakan pada tahun 1986. Ini bererti semua projek yang dicadangkan untuk pelaksanaan tahun 1987 dan seterusnya tidak dapat dipertimbangkan sehingga ceiling peruntukkan ini dapat ditambah. Bagaimana pun Kementerian sedang menimbang untuk memberi peruntukan BELB bagi tahun 1988, insya Allah.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kos ataupun peruntukan merupakan masalah yang besar dari sudut Kementerian, adakah cara lain contohnya satu kampung yang berjauhan memakan belanja lebih kurang \$1 juta untuk memasukan api, tetapi dengan menggunakan kuasa jentera boleh mengurangkan kos sehingga \$50,000, adakah ini akan diberi keutamaan ataupun

pertimbangan yang sewajarnya? Kalau kita tunggukan \$1/2 juta mungkin 30 tahun atau 60 tahun lagi tidak dapat kita mengatasi masalah ini?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa kita mencapai kemerdekaan selama 30 tahun kita telah menyiapkan liputan bekalan elektrik luar bandar sebanyak hampir 70%, yang baki hanya 30% saya rasa tidak mungkin kita memerlukan masa hingga 60 tahun seperti Yang Berhormat sebutkan tadi untuk menyiapkannya.

KEKURANGAN DOKTOR DI HOSPITAL BESAR KUCHING

13. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di Hospital Besar Sarawak, Kuching dan sama ada Kementerianya akan menimbangankan cadangan-cadangan daripada Malaysian Medical Association Cawangan Sarawak untuk menyelesaikan masalah yang kian mendesak ini seperti berikut:

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan seperti berikut untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan di Hospital Besar Kuching, Sarawak.

- (1) *Mengisi semua jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa yang masih kosong.*

Pada ketika ini, daripada jumlah 20 jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa yang sedia ada, 17 jawatan telah pun diisikan. Kementerian juga telah pun mengambil tindakan untuk mengisi 3 jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa yang masih kosong itu.

- (2) *Mewujudkan lebih banyak jawatan Pegawai Pembatan Tingkatan Biasa bagi Hospital Besar Kuching, Sarawak.*

Tindakan telah pun diambil untuk memohon daripada agensi-agensi pusat bagi mewujudkan lebih banyak jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa untuk seluruh negara. Sebaik-baik sahaja permohonan ini diluluskan, tambahan jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan Biasa untuk Hospital Besar Kuching akan dibuat.

Kepada jawapan bahagian dua soalan Ahli Yang Berhormat itu:

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum urusan pengambilan pelajar-pelajar ke Universiti Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, dari semakan yang dibuat Kementerian Kesihatan telah dimaklumkan bahawa pihak Universiti Tempatan sentiasa membuka peluang kepada pelajar-pelajar dari Sarawak memasuki Pakulti Perubatan. Memandangkan bilangan tempat adalah terhad, maka pelajar-pelajar terpaksa bersaing untuk mendapatkannya dan hanya pelajar yang mendapat keputusan yang terbaik sahaja berjaya memasuki lakulti berkenaan.

- (b) Kementerian Kesihatan juga setelah merujuk kepada Kementerian Pendidikan telah difahamkan bahawa buat masa ini Kementehan Pendidikan belum lagi

bercadang untuk
menjadikan Hospital Besar
Sarawak sebagai
sebahagian "Teaching
Hospital" bagi Pakulti
Perubatan Universiti
Malaya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mutut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 14 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

LAWATAN MENGEJUT KE HOSPITAL

9. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau atau Pembantu-pembantu Kanannya pernah mengadakan lawatan mengejut ke bahagian-bahagian hospital untuk menyaksikan sendiri dengan sebenar keadaan dan juga aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai; jika tidak adakah beliau bercadang akan mengadakan lawatan seperti ini.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan sentiasa mengadakan lawatan ke hospital-hospital secara mengejut dan juga seperti yang diatur. Lawatan dibuat terutamanya ke hospital-hospital yang ada masalah-masalah tertentu, atau yang menerima aduan dari orang ramai. Dalam lawatan ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memastikan supaya seboleh-bolehnya setiap bahagian hospital berkenaan dilawati untuk melihat keadaan sebenar. Dengan adanya lawatan sedemikian, teguran akan diberikan sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak memuaskan. Nasihat juga diberi untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Dengan ini

kelemahan dapat diperbaiki dan khidmat kepada orang ramai dapat dipertingkatkan.

SEKOLAH MENENGAH SWASTA YU HUA/SEK HWA

14. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan sekarang berkenaan dengan permohonan untuk menubuhkan semula Sekolah Menengah Swasta Yu Hua, Kajang dan Sekolah Menengah Swasta Sek Hwa, Segamat dan memberi alasan kenapa begitu lama permohonan-permohonan tersebut belum lagi dapat diluluskan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Pendidikan telah pun memberitahu pihak-pihak yang berkenaan mengenai kedudukan permohonan kedua-dua sekolah tersebut, iaitu pada bulan Julai 1987 bagi permohonan Sekolah Menengah persendirian Sek Hwa dan bulan Oktober 1987 bagi permohonan Sekolah Menengah Swasta Yu Hua. Kementerian Pendidikan telah terpaksa mengambil sedikit masa untuk mengkaji permohonan ini secara terperinci.

(Soalan No. 15. Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 7).

KEMAJUAN INDUSTRI KAMPUNG

16. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam usaha Kerajaan mengembangkan industri kampung dan bagaimanakah sambutan penduduk luar bandar terhadap rancangan tersebut serta apakah pula masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Kemajuan yang telah dicapai dalam mengembangkan Program Industri Kampung sehingga Julai 1987 yang diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ialah 1,240 projek.

Sambutan daripada masyarakat luar bandar adalah menggalakkan. Pada keseiuruhannya program ini mendapat sambutan di kalangan pengusaha-pengusaha luar bandar. Diantaratahun 1986 dan tahun 1987 (Julai) terdapat peningkatan sebanyak 50%.

Masalah-masalah yang dihadapi ialah masalah-masalah kecil yang sering dihadapi oleh mana-mana projek yang baru dilancarkan. Masalah-masalah tersebut akan dapat diatasi dari masa ke semasa.

PENDATANG HARAM INDONESIA

17. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) pelbagai tempat-tempat pendaratan yang digunakan oleh pendatang-pendatang haram dari Indonesia di negara ini; dan
- (b) sama ada pihak Polis telah mengenalpasti orang-orang yang terlibat mengendalikan tempat-tempat pendaratan ini. Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato* Megat Junid bin Megat Ayoh): Tempat-tempat pendaratan Pendatang Haram Indonesia adalah sukar ditentukan kerana keadaan pantai negara ini adalah panjang. Walau bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri menerusi Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Imigresen sentiasa mengambil langkah-langkah bagi mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram melalui rondaan di laut dan di pantai.

Di dalam siasatan Polis dan Jabatan Imigresen sukar hendak diketahu orang-orang yang mengendalikan kemasukan pendatang haram ke negara ini. Jabatan Imigresen dengan bantuan polis akan mengambil tindakan tegas ke atas sesiapa yang didapati bersubahat melindungi dan mengendalikan kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini. Kerjasama orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengenalpasti mereka yang terlibat.

PENYELUDUPAN DADAH

18. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) hasil siasatan "pasukan khas" yang dituduh di Kementerian untuk menyasat penyeludupan dadah ke dalam penjara;
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang terlibat dalam kes menyeludupkan dadah ke dalam penjara-penjara; dan
- (c) berapa ramai warder penjara yang telah dibawa ke mahkamah selama 10 tahun lalu kerana kesalahan menyeludupkan dadah ke dalam penjara.

4-12-1987

Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) keadaan pengedaran dadah dalam penjara di semua penjara di seluruh negara; dan
- (ii) berapa kes yang dikesani terlibat pegawai penjara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat dari Kampar yang dijadualkan pada 4-12-1987.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk mengkaji masalah penyeludupan dadah ke penjara-penjara pada masa ini sedang dalam proses terakhir menyiapkan laporannya. Pihak Kerajaan akan mengambil apa-apa tindakan yang perlu setelah menimbangkan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas tersebut.

LAWATAN KE RUSSIA— KESAN

19. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan lawatan beliau ke Negara Russia baru-baru ini dan apakah butir-butir perbincangan di antara beliau dengan pemimpin Russia Encik Gorbachev terutamanya dari aspek kerjasama keamanan dunia; khususnya di rantau ini.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan Yang Mulia pada 12hb Oktober, 1987 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

(Soalan No. 20. Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 4 pada 12-10-1987).

ANGKATAN TENTERA— KEBAJIKAN

21. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah jenis kebajikan dan galakan diberi kepada angkatan tentera kita dan adakah beliau berpuas hati; terutamanya saranan Ketua Turus Angkatan Tentera yang akan bersara berkaitan dengan perumahan angkatan tentera yang begitu serius.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato* Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Memang sudah menjadi dasar Kementerian Pertahanan, bahawa satu aspek yang diberi perhatian penting ialah tentang kebajikan kakitangan Angkatan Tentera untuk menentukan Anggota Tentera dapat menumpukan perhatian mereka kepada tugas-tugas pokok mereka iaitu bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan, kebajikan mereka dan ahli keluarga mereka perlu dijaga.

Kementerian Perumahan memang memberi perhatian yang utama bagi mempertingkatkan usaha membina tempat kediaman bagi mereka di samping mengadakan kemudahan fasilitas rekreasi sebanyak yang mampu di samping menggalakkan penubuhan badan-badan kebajikan demi kepentingan Anggota Tentera.

Mengenai perumahan Anggota Tentera, adalah diakui bahawa pada masa ini terdapat kekurangan rumah keluarga jika dibandingkan dengan anggota-anggota yang memerlukannya. Kerajaan sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan mengambil langkah-langkah untuk membeli rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta di mana lokasi, harga dan keadaan rumah-rumah itu sesuai dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di samping itu Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mempelawa pemaju-pemaju swasta membina dan membiayai pembinaan rumah-rumah keluarga di atas tanah yang diuntukkan kepada Kementerian Pertahanan. Namun begitu memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang, maka langkah-langkah tersebut hanya boleh dilaksanakan mengikut kemampuan Kerajaan.

INDUSTRI PERABOT

22. **Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sejauh manakah hasrat dan kesungguhan pihak Kementerian bagi mewujudkan industri perabot yang dibuat dari bahan-bahan kayu dan sumber hutan tempatan seperti getah, rotan dan lain-lain lagi;
- (b) apakah langkah, rancangan dan tindakan Kementerian bagi melaksanakan hasrat tersebut; dan
- (c) apakah faktor-faktor utama yang diambilkira agar usaha ini akan benar-benar mencapai kejayaan.

Tuan Alias bin Md. Ali:

(1) Plan Induk Perindustrian Malaysia menggariskan supaya industri perabot dimajukan sehingga berupaya menghasilkan pendapatn eksport perabot sebanyak M\$400 juta pada tahun 1995 dibandingkan dehan pendapatan eksport sebanyak \$27.5 juta pada tahun 1986. Inilah petunjuk akan sejauh mana Kerajaan berhasrat membangunkan industri perabot di Malaysia. Selain daripada itu hasrat Kerajaan ialah supaya 27,870 peluang pekerjaan dapat diwujudkan oleh indsutri perabot dalam tempoh Plan Induk Perindustrian dijalankan sehingga tahun 1995. Kesungguhan Kerajaan dalam mencapai hasrat ini dapat diukur dari segi langkah-langkah, rancangan dan tindakan yang telah, sedang dan akan Kerajaan jalankan untuk mencapai hasrat tersebut.

- (ii) Antara langkah-langkah, rancangan dan tindakan Kerajaan bagi mencapai hasrat

membentuk industri perabot yang maju itu termasuklah:

- (a) menyediakan insentif-insentif fiskal yang lebih menarik bagi pelaburan dari luar negeri dan dalam negeri;
- (b) mengurangkan peraturan-peraturan/tatacara yang tidak menggalakkan pelaburan seperti had-had pemegangan ekuiti asing, penggunaan tenaga kerja expatriate dan pelbagai jenis lesen yang perlu didapati.
- (c) membangunkan kompleks-kompleks perabot yang menyediakan tapak perkilangan dengan harga yang berpatutan dan lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti tanor pengeringan kayu, pusat penyelenggaraan peralatan, dewan pameran dan juga infrastruktur yang lain.
- (d) mengecualikan cukai ke atas jentera, peralatan dan bahan-bahan pembuatan perabot yang terpaksa diimport serta memberi elaun pengurangan cukai ke atas pendapatan eksport perabot.
- (e) Skim Pembiayaan Semula Credit Eksport dipermudahkan supaya boleh dinikmati oleh pengeksport-pengeksport kecil, di mana bil-bil eksport yang kurang daripada M\$20,000 boleh dikumpulkan sehingga mencapai jumlah minima M\$20,000.
- (f) menubuhkan Pusat Teknologi Kayu Kayan ASEAN, untuk

- mengadakan latihan-latihan dalam teknologi perusahaan perabot kepada peringkat pengurusan dan penyeliaan dan rancangan-rancangan latihan dalam perindustrian perabot dengan bantuan daripada EEC.
- (g) menubuhkan Pusat Penilaian dan Rekabentuk Perabot untuk memberi perkhidmatan menguji perabot, penetapan piawaian perabot dan khidmat-khidmat nasihat rekabentuk perabot.
- (h) mengadakan rancangan-rancangan latihan rekabentuk dan penyiapan perabot dari semasa ke semasa dengan mengundang pakar-pakar dari luar negeri.
- (i) menghantar misi-misi pelaburan ke negara-negara maju perindustrian perabotnya bagi menarik pelaburan dari negara itu. Kerajaan juga menerima misi-misi perdagangan dari luar negeri ke Malaysia dan sentiasa menganjurkan supaya pengusaha dari negara-negara berkenaan melabur dalam perusahaan perabot di Malaysia.
- (j) menganjurkan penyertaan oleh industri perabot Malaysia di dalam pameran-pameran perabot antarabangsa seperti Pameran Perabot Antarabangsa Cologne di Jerman Barat, High Point di USA dan Tokyo di Jepun pada setiap tahun untuk memberi pendedahan perabot Malaysia kepada pasaran perabot antarabangsa.
- (k) memastikan bekalan kayu kayan (termasuk rotan dan buluh) akan sentiasa cukup dengan langkah-langkah pengharaman eksport balak atau pengurangan kuota eksport balak, pengenaan syarat-syarat yang ketat bagi eksport kayu-kayu gergaji jenis-jenis tertentu dan pengenaan cukai eksport yang tinggi ke atas rotan mentah.
- (l) mengadakan perbincangan-perbincangan dengan institusi kewangan supaya memberi keutamaan dan kemudahan memperolehi pinjaman kepada perusahaan perabot.
- (m) menggiatkan penyelidikan-penyelidikan bagi kemajuan industri perabot melalui Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang telah dijadikan sebuah badan berkanun sejak Oktober 1985.
- (iii) Faktor-faktor yang diambilkira oleh Kerajaan bagi menjayakan hasrat tersebut ialah sektor perindustrian perabot di Malaysia memerlukan suntikan pelaburan yang besar dan juga peningkatan teknologi, rekabentuk dan kemahiran-kemahiran dalam pembuatan perabot agar keupayaan pengeluaran perabot meningkat dari segi kuantiti dan kualiti, sehingga mampu menembusi pasaran eksport. Oleh itu tekanan usaha-usaha Kerajaan adalah kepada aspek-aspek peningkatan pelaburan, teknologi dan rekabentuk di dalam perindustrian perabot. Sekiranya aspek-aspek ini

dapat diperbaiki hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar perabot yang besar di dunia boleh dicapai kerana bahan mentah asas tidaklah begitu bermasalah dan pasaran bagi benda-benda perabot boleh dicapai.

KES BUNUH—JUMLAH DILAPORKAN

23. **Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan kes (i) pembunuhan dan (ii) samun, dari Januari, 1982 hingga Disember 1986 yang berlaku dalam Malaysia dan semua kes-kes ini berapakah yang terlibat orang keturunan Indonesia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes bunuh yang dilaporkan dari Januari 1982 hingga Disember 1986 bagi seluruh Malaysia adalah 1,534 kes dan dari jumlah tersebut 134 kes (8.7%) adalah melibatkan orang-orang yang berasal dari Indonesia. Mengenai kes samun pula, dalam tempoh yang sama sejumlah 32,783 kes telah dilaporkan dan dari jumlah itu sebanyak 790 kes (2.4%) adalah melibatkan orang-orang Indonesia.

BERITA/LAPORAN TV/ RADIO/SURATKHBAR

24. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah garis panduan atau dari sudut manakah mengenai berita dan laporan TV, radio, suratkhbar dan media massa yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kepada rakyat dan negara.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Berita dan laporan-laporan TV, radio, surat-surat khabar dan media massa

yang dianggap boleh menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian rakyat dan negara ialah berita dan laporan-laporan yang boleh membawa kesan-kesan negatif kepada pembangunan serta perpaduan negara dan rakyat. Ini termasuklah berita dan laporan-laporan yang tidak menyokong langkah-langkah pembangunan tertentu, membuat kritikan-kritikan yang tidak bertanggungjawab dan hanya boleh menimbulkan kekeliruan atau salah faham di kalangan masyarakat yang menonjolkan sentimen perkauman dan yang boleh memecahbelahkan rakyat.

Kerana saya tidak bermaksud untuk memberi kuliah yang panjang lebar di sini mengenai pembangunan dan perpaduan rakyat, memadai jika saya tegaskan bahawa sebarang berita atau laporan yang memutar belitkan fakta-fakta perangkaan-perangkaan dan kenyataan-kenyataan yang ada tujuan yang tidak sthat atau boleh mengelirukan rakyat, adalah merbahaya. Oleh itu ia patut dikurangkan atau diharamkan.

RTM—CADANGAN MENGENAKAN BAYARAN

25. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Penerangan menyatakan bukannya amat tidak bijak (ridiculous) bagi RTM untuk mengenakan bayaran \$1.00 untuk lagu-lagu permintaan kerana radio merupakan satu cara hiburan bagi orang-orang miskin dan menurut kajian-kajian, hampir semua permintaan dibuat oleh para pelajar dan disebabkan ini bukannya Menteri berkenaan mencari cara-cara lain untuk memenuhi peti wang (coffers) RTM dan bukan sebaliknya menyusahkan orang-orang miskin dan para pemuda-pemudi.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya tidak menganggap cadangan RTM bagi mengenakan bayaran \$1.00

bagi satu racangan khas lagu-lagu permintaan yang baru melalui Radio sebagai satu hal yang "ridiculous". Sebenarnya perkara ini merupakan satu cadangan yang belum diputuskan lagi. Saya faham akan adanya reaksi-reaksi daripada orang ramai dan segala reaksi-reaksi ini akan diambil perhatian sebelum cadangan tersebut ditimbang untuk pelaksanaan.

Tujuan mengadakan racangan khas lagu-lagu permintaan adalah untuk melibatkan orang awam dalam penyelesaian masalah-masalah negara seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Dengan Rancangan tersebut adalah diharapkan RTM akan dapat mendidik orang awam serta melibatkan mereka dalam penyelesaian masalah-masalah negara dan tidak semata-mata bergantung kepada Kerajaan.

Cadangan saya untuk memulakan racangan khas lagu-lagu permintaan diharapkan dapat membuka satu saluran baru bagi rakyat yang ingin menderma secara sukarela kepada kebajikan sambil menikmati lagu-lagu kegemaran mereka.

Ingin saya tegaskan RTM menyiarkan sebanyak 120 rancangan lagu-lagu permintaan seminggu dalam 16 bahasa. Bayaran \$1.00 yang dicadangkan itu ialah untuk satu rancangan khas yang baru. Permintaan lagu dalam rancangan-rancangan selainnya terus dilayan dengan percuma.

Soal \$1.00 bukanlah masalah yang besar tetapi soal bagaimana RTM dapat melibatkan orang ramai dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah negara adalah penting. Rancangan khas permintaan lagu-lagu itu diharapkan dapat menggalakkan sumbangan-sumbangan rakyat kepada negara dan bahasa. Rancangan tersebut masih dalam perbincangan

dan keputusan muktamad belum lagi dibuat.

PAKAIAN SONGKOK/TUDUNG DI KONVOKESYEN UTM

26. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tindakan Universiti Teknologi Malaysia dan Naib Canselornya Yang Berbahagia Tan Sri Ainuddin Wahid memaksa siswazah-siswazah UTM memakai songkok dan tudung dalam upacara konvokesyen tahun ini adalah keterlaluan dan telah menyinggung perasaan bukan Melayu dan sama ada:

- (a) ini merupakan unsur-unsur Islam yang ingin diserapkan dengan paksa kalau perlu ke atas mereka yang bukan Islam; dan
- (b) sama ada keputusan UTM ini akan dibatalkan dan kalau tidak mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar Universiti Teknologi Malaysia memaksa siswazah-siswazah memakai songkok dan tudung upacara konvokesyen pada tahun ini. Pakaian konvokesyen universiti adalah merupakan peraturan pakaian istiadat bagt sesebuah universiti dan pakaian berkenaan telah digunakan di UTM sejak tahun 1978 lagi tanpa mendatangkan sebarang masalah.

PERLEMBAGAAN MALAYSIA— PINDAAN

27. **Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia meminda Artikel 42 (5) Perlembagaan Persekutuan untuk mengecualikan Peguam Negara dari menduduki dalam Lembaga Rayuan memandangkan beliaulah yang memulakan

pendakwaannya. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak bercadang meminda Perlembagaan untuk mengeluarkan Peguam Negara daripada Lembaga Pengampunan.

Bahawasanya Peguam Negara bertanggungjawab bagi pendakwaannya tidak seharusnya menjadi sebab mengapa dia tidak wajar menjadi ahli Lembaga Pengampunan. Malah sebaliknya, sebabnya Perlembagaan memasukkan Peguam Negara ke dalam Lembaga Pengampunan ialah kerana kedudukannya sebagai penasihat undang-undang kepada Kerajaan dan sebagai Pendakwa Raya, supaya Lembaga Pengampunan boleh mendapat menafaat pendapat yang berwibawa tentang sesuatu kes dari segi undang-undang dan fakta-fakta sebelum menyembahkan nasihatnya kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Kebimbangan tentang kehadiran Peguam Negara dalam Lembaga Pengampunan adalah tidak berasas sama sekali. Latihan dan pengalaman undang-undang seseorang yang menjadi Peguam Negara adalah mencukupi untuk membolehkannya membezakan di antara matlamat untuk mendapat sabitan dalam sesuatu pendakwaannya dan pertimbangan-pertimbangan yang perlu diambilkira dalam menimbang sesuatu rayuan pengampunan. Lagipun, nasihat yang disembah kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri dalam sesuatu rayuan pengampunan bukanlah nasihat Peguam negara tetapi adalah nasihat Lembaga Pengampunan pada keseluruhannya yang terdiri daripada anggota-anggota lain yang tidak terhalang daripada menyuarakan pandangan mereka sendiri tanpa semestinya dipengaruhi oleh pendapat Peguam Negara.

PETANI PADI BUKIT— BANTUAN

28. **Tuan Madatang Morejal** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah Kementerian tersebut bagi membantu para petani padi bukit/shifting cultivators di seluruh negara khususnya di Sabah dan Sarawak. Adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas bagi membantu para petani tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Untuk makluman Yang Berhormat perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan pihak Kerajaan Persekutuan akan campurtangan sekiranya ada permintaan dari pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan menggalakkan para petani padi bukit untuk mengamalkan pertanian berbentuk yang lebih menetap bagi mendorong mereka menyertai berbagai skim penempatan yang dianjurkan oleh Kerajaan.

Buat pada masa ini Kerajaan tiada cadangan bagi mewujudkan sebuah Jawatankuasa Khas bagi membantu para petani tersebut.

HOSPITAL DAERAH DI SERDANG

29. **Dr V. David** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan menimbang membuka sebuah hospital daerah di Serdang kerana bilangan penduduk di tempat ini sedang bertambah.

Dato' Chan Siang Sun: Dalam Rancangan Mataysia Kelima, Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk membina sebuah Hospital Daerah di Serdang. Keputusan ini dibuat daripada hasil analisa situasi keperluan kesihatan bagi seluruh negara yang dibuat

semasa menyediakan Rancangan Malaysia Kelima. Analisa menunjukkan bahawa keutamaan untuk menyediakan sebuah hospital di kawasan ini rendah jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain terutama sekali kawasan-kawasan pendalaman yang didapati lebih berkurangan dari segi keadaan infrastruktur asas serta taraf sosio-ekonomi penduduk. Kawasan Serdang mempunyai perhubungan yang baik dengan Hospital Daerah Kajang dan Hospital-hospital di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

MAS—UNTUNG/RUGI PENERBANGAN DI SABAH

30. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah keuntungan atau kerugian yang dicatatkan oleh MAS untuk penerbangan tempatan di Sabah dalam tempoh dari 1986 hingga Oktober 1987 berbanding dengan negeri lain di Malaysia; dan
- (b) kenapa tambang kapal terbang dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur tidak dikurangkan lagi untuk menggalakkan pelancongan dari penyatuan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

(a) Perbandingan pendapatan MAS sebagaimana yang dicatatkan untuk tahun 1986 berikut:

- | | | |
|---|---|----------------------------------|
| (a) Perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri Sabah. | — | Kerugian sebanyak R\$1.993 juta. |
| (b) Perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri Sarawak. | — | Kerugian sebanyak R\$4.277 juta. |

- | | | |
|---|---|---------------------------------|
| (c) Perkhidmatan-perkhidmatan dalam Semenanjung Malaysia. | — | Kerugian sebanyak R\$8.77 juta. |
|---|---|---------------------------------|

Butir-butir pendapatan bagi kira-kira tersebut untuk Januari hingga Oktober 1987 tidak dapat diberikan pada masa ini kerana akaun MAS bagi tempoh tersebut belum lagi diodit.

Perlu disebutkan bahawa perbandingan pendapatan yang disebutkan di atas tadi tidak mengambilkira kedudukan pendapatan bagi perkhidmatan tuar bandar Sabah dan Sarawak dan juga tidak termasuk perkhidmatan di antara Semenanjung Malaysia Sabah dan Sarawak.

- (b) Selaras dengan usaha-usaha untuk menggalakkan pelancongan tempatan termasuk di antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak, MAS telah pun mengadakan berbagai jenis tambang-tambang penerbangan yang lebih murah. Tambang-tambang ini memberi potongan diskaun sehingga lima puluh (50) peratus berbanding dengan tambang-tambang biasa dan adalah dijual khas untuk memenuhi keperluan trafik pelancongan. Selain daripada tambang-tambang berdiskaun ini MAS telah juga mengadakan berbagai jenis rancangan-rancangan percutian seperti "Golden Holidays" bagi menggalakkan pelancongan di dalam negeri termasuk di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak. Adalah didapati bahawa tambang-tambang murah tersebut dan rancangan-rancangan percutian ini telah mendapat sambutan yang mengagumkan daripada orang ramai.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
MESIN CETAK DAN
PENERBITAN (PINDAAN)
1987**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1988**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1988" dan "Anggaran Pembangunan, 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (*Hari Kelapan*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.25 (Jadual)-

Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan 1988)-

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa

wang sejumlah \$2,069,600,000 untuk Masud B. 25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,069,600,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$218,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.25 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Wang sebanyak \$218,000,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.26 (Jadual)-

Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan 1988)-

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.26 dan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat daripada Padang Terap.

4.08ptg.

Dato' Dr Afiffudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian kepada muka surat 123 iaitu Maksud Bekalan B.26, Butiran 010400 iaitu Pendidikan Menengah, Kod 10000 mengenai Emolumen.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada nisbah Pegawai-pegawai Pendidikan yang diberi taraf Tingkatan Tertinggi. Di dalam jawapan kepada soalan saya tempoh hari Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan bahawa ratio Pegawai Tingkatan Tertinggi Biasa ialah 1:47 di dalam Perkhidmatan Pendidikan berbanding dengan ratio yang paling mewah iaitu

1:3 di dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

Tuan Pengerusi ketidakseimbangan yang besar ratio-ratio di atas menunjukkan bahawa kumpulan guru-guru dan pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan yang mempunyai ijazah yang sama dan pengkhususan profesionalisme masih mendapat ganjaran yang tidak memuaskan. Apakah negara tidak memberi nilai yang tinggi terhadap profesion pendidikan? Sumbangan pegawai pendidikan kepada pembinaan masyarakat negara kita adalah amat besar memandangkan pentingnya pelaburan pelajaran untuk membina satu masyarakat yang kuat. Saya menyeru agar pihak Kerajaan khususnya pihak Kementerian Pendidikan membaiki keadaan ini untuk memastikan keadilan di kalangan pegawai-pegawainya dan memastikan bahawa tidak akan berlaku brain-brain dalam perkhidmatan pendidikan ini. Guru-guru berijazah telah banyak meninggalkan perkhidmatan pendidikan lantaran ketiadaan peluang baik pangkat. Lebih-lebih lagi memandangkan setengah kawan-kawan mereka di dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang sama kelulusan telah naik menyayup.

Tuan Pengerusi, adakah kita mahu satu tahap pengajaran dan pendidikan yang rendah? Mutu pelajaran di negara kita mesti dipertahankan pada tahap yang tinggi dengan menarik sebahagian daripada the best drains, dengan izin, di pasaran ilmu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya ingin pula menarik perhatian Dewan ini kepada muka surat 125, Butiran 040200 iaitu mengenai penuntut seberang laut,

Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini membuka semula polemik mengenai universiti-universiti kelas 3

di seberang laut yang menjadi tumpuan pelajar-pelajar kita yang dibiayai oleh Kerajaan. Sebagai seorang yang biasa belajar di Amerika Syarikat selama empat tahun, biarlah saya berkata di sini dengan pasti bahawa kebanyakan universiti-universiti yang Kerajaan menghantar penuntut-penuntut kita pada peringkat undergraduate adalah universiti-universiti yang sungguh mediocre, dengan izin.

Di Amerika Syarikat sendiri sebahagian besar universiti-universiti ini tidak diakui langsung. Saya mendapat tahu satu, dua universiti itu pada suatu masa dahulu hendak ditutup lantaran tidak mendapat sambutan dari rakyat Amerika sendiri. Tetapi dengan penghantaran 200 hingga 300 penuntut Malaysia pada suatu masa, universiti-universiti ini dibuka semula dengan ihsan wang dari Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu apakah muslihat yang kita pegang apabila kita menghantar anak-anak kita yang merupakan "the elite" di kalangan lepasan sekolah-sekolah menengah ke universiti-universiti rendah mutunya ini. Anak-anak kita itu adalah dari kumpulan yang kita pilih dari seluruh negara dan kita pupuk di pusat-pusat pengajian yang terpilih seperti di Maktab-maktab Sains MARA dan lain-lain sekolah elite.

Tuan Woon See Chin: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta penjelasankah?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya meminta penjelasan berkaitan dengan universiti di USA itu yang sangat rendah mutunya dan kita sudah menghantar 200 lebih penuntut ke sana. Silalah kalau Yang Berhormat dapat beri

nama universiti itu dan penuntut-penuntut itu dari jabatan mana, JPA atau mana-mana pejabat dan tahun bila mereka dihantar di universiti ini.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Sebenarnya saya akan sebutkan sedikit masa lagi. Tetapi oleh sebab permintaan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menyebutkan universiti-universiti itu adalah seperti Universiti-universiti Southern Michigan, Northern Illinois, Louisiana State University dan ada lagi dua, tiga yang saya kurang dapat nama-nama dengan jelas. Jadi inilah nama-namanya, Tuan Pengerusi.

Kita belanja banyak wang untuk menghantar ataupun mendidik anak-anak kita di sekolah dan di pusat-pusat pengajian menengah di negara kita. Mereka keluar dah pusat-pusat ini dengan Gred I dan menggondol beberapa A di dalam mata pelajaran masing-masing. Mengapa pula pada peringkat tertiary, kita menghantar mereka ke pusat-pusat kelas 3.

Tuan Pengerusi, mungkinkah tujuan kita berbuat demikian untuk:

- (a) Mengurangkan kos kerana pusat-pusat ini mengenakan yuran yang rendah, atau
- (b) Memperbanyakkan graduan-graduan kita di dalam masa yang singkat secara mass-production.

Kalaulah ini sebabnya saya fikir kita menipu diri kita sendiri kerana hasil yang kita dapati mungkin banyak dari segi bilangannya tetapi mutunya rendah.

Saya amat terharu melihat anak-anak kita yang berpotensi tinggi, akhirnya tidak mendapat pelajaran yang cukup untuk membolehkan mereka mengeksploitasikan potensi ini sepenuhnya. Saya telah menemui beberapa orang anak-anak kita yang

keluar dari universiti-universiti ini yang musykil mengapa mereka tidak dihantar ke universiti-universiti yang lebih bermutu, padahal mereka berkeupayaan mencapai prestasi yang tinggi di universiti-universiti yang lebih tinggi mutunya ini.

Tuan Pengerusi, saya bukan mencadangkan supaya beratus-ratus orang dihantar ke universiti-universiti seperti Universiti-universiti Ivy League di Amerika ataupun di Oxbridge di Britain yang bukan sahaja mahal harga yurannya tetapi juga susah hendak masuk dan susah hendak lulus, tetapi wujud universiti-universiti yang baik di Amerika dan di Britain yang harga sederhana serta mempunyai standard yang tidak terlalu ketat dan tinggi. Saya boleh sebutkan nama-nama universiti ini tetapi oleh sebab masa tidak mengizinkan dan kita sedia maklum Kementerian sendiri pun tahu nama-nama universiti-universiti ini.

Tetapi sebilangan kecil anak-anak kita yang mencapai kejayaan yang paling cemerlang, bolehlah dihantar ke universiti-universiti Ivy League dan Oxbridge. Pelaburan yang kosnya tinggi seperti ini adalah perlu untuk menentukan bahawa segala aspek pendidikan yang berkualiti tinggi dapat mereka bawa balik ke negara kita.

Tuan Pengerusi, mungkin langkah Kementerian menghantar penuntut-penuntut kita keluar negeri selain daripada mendapat pelajaran, juga untuk menentukan berlakunya proses crossbreeding di dalam pembelajaran yang merangkumi penyerapan budaya-budaya positif dari luar. Tetapi penghantaran satu-satu kumpulan yang besar dari 50 hingga 200 orang penuntut kepada satu-satu universiti akan membawa hasil sebaliknya. Kumpulan yang besar ini tidak memerlukan interaksi dengan orang-orang lain, khususnya

masyarakat tempatan kerana suatu masyarakat Malaysia telah pun diwujudkan di situ. Mereka akan mula memandang ke dalam bukan keluar, mereka tidak mengambil peluang melihat dan meneliti budaya sekeliling mereka. Malah mereka tidak mengasah kebolehan memikir dan bertukar-tukar fikiran di dalam bahasa negara tuan rumah.

Saya biasa melawat ke Louisiana State University dalam tahun 1972 dahulu dan saya dapati di situ satu perkampungan Malaysia yang berinteraksi dalam kumpulannya sendiri dan kumpulan mereka adalah sebesar 200 orang. Keperluan memandang keluar tidak wujud kerana semua kehendak sosial dapat dipenuhi oleh kumpulan itu. Kumpulan-kumpulan sebegini terdapat pada masa ini di universiti yang saya sebutkan tadi. Saya juga diberitahu keadaan begini juga berlaku di Universiti Al-Azhar di Cairo, Mesir.

Tuan Pengerusi, satu dahpada kelebihan menuntut di luar negeri ialah peluang meluaskan horizon pelajaran dan pemikiran melalui interaksi intelektual, interaksi sosial dan interaksi budaya. Hasilnya ialah manusia-manusia yang bukan sahaja terpelajar, malah manusia yang luas pandangan, bukanlah manusia yang parochial, dengan izin.

Pemimpin negara selalu menggalakan diperluaskan pembelajaran dan pengalaman di kalangan anak-anak muda kita untuk melahirkan kepimpinan yang bersifat well-rounded, dengan izin. Dengan apa yang berlaku di atas yang saya sebutkan tadi, impian ini mungkin tidak akan tercapai dan kita akan mendapati pemimpin yang parochial yang hanya menjaga kumpulan-kumpulan rapatnya sahaja dan tidak bersedia melihat dan menerima pendapat orang lain.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat adalah lebih baik kita bina satu universiti lagi daripada menghantar anak-anak kita ke universiti-universiti kelas 3 di Amerika dan di Britain. Selam dari dapat kita mengurangkan kebocoran \$1.2 ribu juta setahun untuk ongkos pengajian di luar negeri, kita juga dapat mengadakan peluang-peluang pekerjaan untuk semua peringkat di negara kita ini. Dengan keadaan pengangguran di dalam kumpulan terpelajar pada masa ini, saya pasti pembinaan universiti baru ini akan menyumbang kepada penyelesaiannya.

Tuan Pengerusi, saya merujuk pula kepada muka surat 125 Butiran 040000 Program 040500 Bantuan Makanan, Kod 40000 yang mendapat lebihkurang \$10 juta. Saya hendak menyentuh skim bantuan susu yang dijalankan di sebahagian besar di sekolah-sekolah iaitu di sekolah luar bandar.

Tuan Pengerusi, perut anak-anak kita khususnya dari kaum Melayu dan dari kaum Cina tidak dapat menerima susu kerana konstitusi microbes, dengan izin, di dalam perut mereka tidak dapat membantu penghazaman dan menyerap susu ke dalam sistem darah mereka. Justeru itu mereka diserang dengan sakit perut dan cirit-birit apabila mereka meminum susu-susu bantuan ini.

Saya mendapat tahu Kementerian tidak berapa lama dahutu cuba menukar susu dengan bantuan telur ayam ataupun telur puyuh ataupun telur itik. Saya menyokong penuh usaha ini. Tetapi sehingga kini belum ada tanda-tanda bahawa ianya diimplimentasikan. Tuan Pengerusi, telur dapat diterima oleh semua perut perut Melayu, perut Cina, perut India dan lain-lain kaum di negara kita ini. Saya pasti kos bantuan telur akan lebih rendah daripada kos bantuan susu. Justeru itu wang yang

ada akan digunakan untuk membantu kepada lebih banyak murid di negara kita ini. Dan telur adalah sama khasiatnya dengan susu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila menggulung.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Saya akan gulung. Oleh itu saya mengambil peluang ini menyeru Kementerian mengimplimentasikan projek ini seberapa segera supaya tidak akan berlaku pembaziran wang dan juga akan berlaku satu pencapaian yang lebih besar kepada murid-murid kita di sekolah-sekolah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bolehkah saya tahu berapa orang Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian?

Beberapa Ahli Yang Berhormat:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih, Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.22 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 123, Maksud Bekalan B.26, Butiran 010000, Program/Aktiviti 010600—Pengurusan Pendidikan Agama.

Apa yang kita nampak anggaran bagi tahun 1988 ini nampaknya ada kurang sedikit kalaulah kita bandingkan dengan Anggaran 1987.

Tuan Pengerusi, manakala kita memandang kepada pengurusan program pendidikan agama ini nampaknya Alhamdulillah dari masa ke semasa bertambah baik dan bertambah maju, baik pun di Sekolah Rendah mahupun Sekolah Menengah sehinggalah ke peringkat Universiti.

Tetapi apa yang kita nampak malangnya kekesanan daripada pengajaran ini nampaknya ada sedikit sebanyak menimbulkan berbagai-bagai kelemahan. Kelemahan di antara apa yang pernah didakwakan bahawa terdapat kanak-kanak kita kalau di peringkat sekolah rendah tidak tahu membaca Al-Fatehah dan seterusnya tidak mengerti membaca ayat-ayat suci Al-Quran-nul-Karim. Dan juga mereka tidak dapat menghormati sepenuhnya kepada guru-guru dan ibu bapa-ibu bapa dan kepada orang-orang tua. Sedangkan kalau benar-benar pendidikan Islam ini dapat menerap dalam jiwa anak-anak kita pastinya mereka akan mengetahui membaca Al-Fatehah dan seterusnya ayat suci Al-Quran-nul-Karim dan mereka tahu juga menghormati kepada para guru, ibu bapa dan seterusnya.

Kalaulah kita melihat pula kepada sekolah-sekolah menengah kita nampak juga kekesanan daripada pengajaran ataupun pendidikan agama ini tidak begitu sangat memberi kesan yang baik; sebab manakala kesan yang baik; sebab banyak manakala pelajar-pelajar kita sampai ke Tingkatan 1, 2, 3, 4, 5 dan 6, banyak terlibat dengan kes-kes penyalahgunaan dadah, kes rogol dan sebagainya. Ini bererti disebabkan jiwa mereka belum lagi benar-benar dapat diterapkan dengan pengajaran-pengajaran Islam yang mereka menerima di bangku sekolah dalam buku-buku teks masing-masing. Oleh hal yang demikian kalaulah kita membandingkan dengan pendidikan agama di masa-masa dulu di peringkat tahun 60'an dahulu berbeza jauh. Kepada murid-murid sama ada murid di sekolah dan juga murid-murid yang di luar daripada sekolah, umpamanya sekolah pondok dan sebagainya, manakala mereka dapat menerima pelajaran agama dengan melalui berbagai-bagai bidang keagamaan, akidahnya, fiqahnya dan sebagainya

maka mereka dapat menerimanya dengan baik dan jiwa mereka pun boleh dikatakan baik sehinggakan mereka tidak pernah melakukan sesuatu yang mungkar dan mereka tidak melakukan menderhaka kepada ibu bapa dan kepada para guru dan sebagainya. Sentiasa mereka melakukan amal ibadah yang baik, mereka selalu melakukan sesuatu yang baik. Tidak timbul masalah pencurian dan sebagainya disebabkan mereka, jiwa mereka, benar-benar dapat diterap dengan pendidikan yang diajar oleh guru-guru mereka di masa itu.

Oleh hal yang demikian, saya berpendapat bahawa pendidikan agama ini hendaklah diambil perhatian dari semasa ke semasa sama ada dalam masalah masa pelajaran di sekolah mahupun sukatan pelajaran itu sendiri moga-moga matlamat kita hendak mendidikan anak-anak muda kita melalui pelajaran di sekolah sama ada di peringkat rendah, menengah dan sebagainya benar-benar dapat diterapkan dengan pelajaran agama. Moga-moga mereka terhindar daripada segala masalah-masalah yang kita tidak suka terutama sekali benda-benda terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 125, Butiran 030000, Program 030900, Bantuan Kepada Badan-badan Pelajaran dan Lain-lain, Kod 40000 (v), No. 5 ialah Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat.

Alhamdulillah, nampaknya Anggaran 1988 ini ada bertambah kalaulah kita hendak bandingkan dengan Anggaran 1987. Bagi pandangan umum terutama sekali kepada pemimpin-pemimpin daripada sekolah agama rakyat di seluruh negara kita ini telah pun mereka ini berada dalam keadaan yang sangat memerlukan kepada bantuan terutama sekali bantuan daripada

Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran. Kerana apa yang kita nampak bahawa kedudukan Sekolah-sekolah Agama Rakyat di negara ini boleh dikatakan setiap negeri dalam negara kita ini adanya sekolah-sekolah agama yang ditanggung oleh rakyat sendiri dengan tidak ada apa-apa pun bantuan yang diberi oleh pihak yang berkenaan di masa mereka menubuhkan di zaman dahulu. Tetapi walau bagaimanapun, sekarang kita alhamdulillah, pandangan Kerajaan telah pun nampak memberi terutama sekali dalam memberi buku teks dan juga bantuan per kapita kepada murid-murid. Namun demikian, sekolah-sekolah ini apa yang telah diberi oleh pihak Kerajaan nampaknya tidak mencukupi.

Masalah ini patut diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan memandangkan pelajar-pelajar di sekolah agama ini boleh dikatakan pelajar-pelajar yang benar-benar mahu menerima pelajaran agama dan mereka ini adalah harapan bangsa dan harapan kita supaya mereka ini menjadi orang yang benar-benar dapat menjadi pemimpin agama di masa akan datang.

Sebagai kenyataan bahawa sekarang pun ramai terdiri daripada pelajar-pelajar daripada sekolah agama rakyat ini dapat menyumbangkan pelajaran mereka ke mana-mana universiti sama ada dalam negeri dan luar negeri. Ini kita meyakinkan bahawa kemampuan mereka telah pun berjaya walaupun keadaan sekolah mereka dan keadaan kedudukan kewangan pada sekolah-sekolah mereka tidak begitu memuaskan, tetapi bagi pihak guru-guru dan pihak pelajar-pelajar dapat memainkan peranan sehingga mereka mendapati kejayaan yang baik dalam tiap-tiap peperiksaan sama ada SRP dan SPM dan seterusnya. Oleh hal yang demikian, saya meminta bagi pihak Kementerian Pendidikan di masa-masa akan datang supaya dapat

memberi perhatian terutama sekali dalam segi bangunan, dalam segi kewangan, kalau boleh hendaklah menambahkan lagi bantuan per kapita daripada setahun ke setahun selain daripada peruntukan kepada guru dapat juga menampung untuk membaiki bangunan-bangunan sekolah yang tidak begitu selesa.

Tuan Pengerusi, saya kembali kepada muka surat 128, Maksud Pembangunan P.26, Butiran 00900 Asrama (Semenanjung). Juga saya mengharapkanlah memandangkan kepada sekolah-sekolah menengah terutama sekali dan juga sekolah rendah, di antaranya sekolah-sekolah yang apa kita nampak pelajar-pelajarnya yang begitu jauh berulang-alik daripada rumah ataupun kampung masing-masing ke sekolah. Kadang-kadang kalaulah di musim tengkujuh atau musim hujan, murid-murid terkadang terpaksa menunggang basikal mereka menimpai hujan di tengah jalan. Kalaulah yang belajar petang, maka mereka hendak ke sekolah, kadang-kadang dengan pakaian mereka basah dan sebagainya dan keadaan kadang-kadang jalan-jalan yang mereka berulang-alik daripada kampung mereka kadang-kadang juga menjadi masalah. Oleh yang demikian, memandangkan kepada masalah ini, saya meminta kepada Kementerian ini supaya mengkaji lebih mendalam lagi mana-mana sekotah menengah terutama sekali kawasan-kawasan luar bandar yang perlu diadakan asrama sepatutnyalah sekolah-sekolah itu diutamakan daripada sekolah-sekolah lain memandangkan keadaan yang tersebut di atas tadi.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, dengan ini saya pohonlah supaya bagi pihak Kementerian Pendidikan, apa yang saya sentuh tadi diminta ambil perhatian. Dengan ini, saya sokongan peruntukan bagi Kementerian ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas.

4.35 *ptg.*

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas): Tuan Pengerusi, terima kasih. Izinkan saya berucap mengenai peruntukan kepada Kementerian Pendidikan, Bekalan B.26, muka surat 563, Tajuk 1.1 Pengurusan Pendidikan Rendah dan Menengah, dan 5.1 Rancangan Pendidikan, 5.2 Pengurusan Kurikulum, 6. Pendidikan Tinggi.

Kementerian Pendidikan adalah Kementerian yang terpenting bagi masa hadapan negara ini. Pertama untuk memupuk perpaduan bangsa atau national integration, dengan izin, dari masa di bangun sekolah lagi serta mendedahkan murid-murid kepada semangat dan ciri-ciri kebangsaan. Saya sungguh-sungguh berharap penukaran nama Kementerian kepada Kementerian Pendidikan tidak akan tertinggal sebagai satu penukaran yang tidak membawa makna dan kesan.

Tuan Pengerusi, kedua sekolah-sekolah dan universiti-universiti kita juga mengeluarkan warganegara yang akan membina negara ini bukan sahaja dengan semangat, malahan juga dengan kenyataan yang sebenar-benarnya, dengan izin, in actual terms. Betapakah mereka ini diperlengkapkan dengan ilmu pengetahuan sains dan teknologj, sastera dan kemanusiaan. Adakah anak-anak kita ini sekadar melalui proses pendidikan kita sahaja tanpa menerapkan nitai-nilai yang luhur ke dalam kebolehan-kebolehan mereka? Mungkinkah kita akan memperolehi kebolehan yang terbaik dari bilangan yang terbanyak sebaik-baik sahaja mereka ini menamatkan pengajian dalam sistem pendidikan kita?

Tuan Pengerusi, adakah kita berusaha sedaya-upaya untuk mendedahkan pelajar-pelajar kita

kepada dunia pendidikan, alam ilmu pengetahuan atau kita hanya menjadikan mereka menentang apa sahaja yang asing atau dengan izin, are we doing all we can to expose our children and youths to the world of learning or are we making them xenophobic?

Dalam konteks inilah saya ingin menarik perhatian kepada perlunya kita mewujudkan kemahiran dan proficiency berbahasa, bercakap, menulis dan memahami bahasa Inggeris walaupun ketika kita memberi penekanan ini kita tidak akan bertolak-ansur ke atas, dengan izin, the primacy atau keagungan Bahasa Melayu.

Kedua, kedua-duanya bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia tidak bertelagah atau masing-masing terpisah. Kita haruslah hapuskan sangkaan bahawa dua bahasa ini berpisah semata-mata kerana Bahasa Inggeris 30 tahun dahulu, sebelum kemerdekaan telah digunakan dengan berleluasa dan ianya bahasa rasmi negara ini sebelum zaman Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi. Kita harus melihat bahasa Inggeris dari segi nilai kegunaannya dalam pencapaian ilmu pengetahuan dan janganlah memisahkannya dari kita daripada gedung pengetahuan dan peluang yang begitu besar yang boleh dicapai melalui penguasaan bahasa Inggeris semata-mata kerana sikap emotionalism, dengan izin, yang tidak terbatas atau perasaan yang, dengan izin, irrational.

Tuan Pengerusi, lagipun keseluruhan bangsa Arab, baik Saudi Arabia, Mesir, Jordan, hatta Libya, dan Yaman, Morocco, Tunisia, dan Algeris yang dahulu mendahului bahasa Perancis, dan Jepun iaitu nasionalist-nasionalist yang proud, yang megah dan yang berpegang teguh kepada adat resam dan kebudayaan

dan bahasa mereka dan bahasa Arab dan bahasa Jepun amat lengkap setaraf dengan bahasa Inggeris, tetapi Jepun dan Arab mengakui betapa amat pentingnya kegunaan dan penguasaan bahasa Inggeris agar negara mereka bertambah maju berlandaskan kepada keteguhan adat resam dan kebudayaan mereka sendiri. Oleh itu kita orang-orang Malaysia, orang-orang Melayu khasnya, juga harus menggunakan pendekatan (approach) yang serupa yang digunakan oleh orang-orang Arab dan oleh orang-orang Jepun agar negara kita juga maju seperti mereka.

Saya percaya jumlah masa yang diperuntukkan kepada bahasa dan sastera Inggeris di sekolah-sekolah dan universiti kita terhad, Maka ia harus ditambahkan sekurang-kurangnya 100% supaya kita boleh mengatasi kemerosotan yang begitu deras sekali dalam kemahiran bangsa Melayu dan orang-orang Malaysia berbahasa Inggeris pada akhir-akhir ini dan supaya kita dapat menebus nama baik orang-orang Malaysia termasuk orang-orang Melayu sebagai mereka yang berkebolehan dalam bahasa antarabangsa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin melihat seramai yang boleh rakyat Malaysia khasnya orang-orang Melayu dan bumiputera yang lain dapat mengetahui dan menguasai selain daripada bahasa Inggeris, bahasa-bahasa yang penting di dunia ini seperti bahasa Arab, Jerman, Jepun, Mandarin, French dan lain-lain lagi kerana kita adalah satu bangsa yang ekonominya amat sangat bergantung kepada ekonomi dunia kerana ekonomi kita dan sebab negara kita pengeluar barang-barang mentah. Dan orang-orang Malaysia pun pandai, dahulu kita sudah pun menguasai bahasa Inggeris, "revive" sahaja semangat ini tanpa mengorbankan kecintaan dan kefasihan kita berbahasa, menulis, memahami, merindui dan

mengkagumi akan keindahan, kehalusan dan kelicinan Bahasa Malaysia sendiri. Tetapi janganlah kita hanya fasih dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia rojak, yang neither English nor Bahasa Melayu tulen or otherwise, dengan izin.

Tuan Pengerusi, mengetahui dan menguasai pelbagai bahasa selain daripada bahasa ibunda adalah satu aset, satu advantage, satu faedah yang amat besar, satu kebolehan yang nilainya sangat invaluable, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Seremban.

4.43 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 123, Maksud Bekalan B.26, Butiran 010000 dan 010100 Pengurusan Pendidikan Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, Malaysia adalah satu negara yang berbilang kaum dan kaya dengan warisan-warisan bahasa, negara dan kebudayaan. Potrait yang unik dan istimewa inilah yang telah menarik banyak pelancong asing ke negara kita. Nenek moyang kita iaitu pengasas kemerdekaan telah menerima hakikat masyarakat yang berbilang kaum telah memasukkan Artikel 152 ke dalam Perlembagaan yang menyatakan bahawa Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini, tetapi wujudnya kebebasan untuk mempelajari dan menggunakan bahasa ibunda di kalangan rakyat.

Dalam ucapan Perdana Menteri di Parlimen pada 28hb Oktober, 1987, beliau juga bersetuju dengan prinsip tersebut apabila beliau berkata: "Kita bersetuju bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu tetapi kaum-kaum yang lain berhak menggunakan

bahasa mereka". Adalah berdasarkan kepada latar belakang ini, seseorang mesti kekhuatiran rakyat Malaysia Cina mengenai pengisian jawatan oleh guru-guru yang tidak fasih dalam bahasa Mandarin sebagai guru besar atau guru penolong kanan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Setiap rakyat Malaysia menghargai bahasa dan kebudayaan mereka masing-masing, begitu juga dengan kaum Cina Malaysia. Mereka menganggap sekolah-sekolah Cina sebagai satu tempat penting di mana anak-anak mereka dapat mempelajari dan mengguna bahasa ibunda mereka sendiri. Oleh itu, apabila Kementerian mula menaikkan pangkat guru-guru yang bukan berpendidikan Mandarin ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, mereka menganggap langkah tersebut sebagai tidak munasabah dan tidak berfikiran langsung. Langkah tersebut boleh menukar ciri-ciri Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di negara ini datam masa yang akan datang. Apabila perkara ini ternyata dan banyak sekolah dalam negara ini dipengaruhi dengan langkah di atas, kekhuatiran di kalangan masyarakat Cina mula tersebar luas.

Ahli-ahli akademik, pemimpin-pemimpin masyarakat dan juga tokoh-tokoh politik telah membuat bantahan kepada Menteri Pendidikan meminta beliau membatalkan direktif pengisian jawatan oleh guru-guru yang tidak berpendidikan bahasa Mandarin ke Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan juga beliau patut peka kepada kekhuatiran mereka tentang ciri-ciri Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di negara kita. Tetapi malangnya, Menteri Pendidikan tidak respond secara positif kepada perkara ini dan kontroversi ini telah menjadi bertambah buruk menyebabkan berlakunya pemutauan kelas-kelas di sekolah-sekolah.

Akhir sekali, dalam satu mesyuarat Kabinet yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, satu Jawatankuasa Khas Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah-masalah yang timbul dan langkah-langkah untuk menyelesaikannya. Adalah dilaporkan bahawa Jawatankuasa Khas Kabinet telah mengadakan perjumpaan beberapa kali dan di sini saya menyeru Menteri Pendidikan melaporkannya kepada Parlimen. Pada pendapat saya, jika kontroversi ini diselesaikan dengan kadar segera dan dilaporkan, kontroversi ini akan semakin berkurangan dan apa yang lebih penting, kekhuatiran di kalangan ibu bapa dan ahli-ahli pendidikan akan menjadi reda.

Tuan Pengerusi, muka surat 126 di bawah Butiran 060000, Pendidikan Tinggi. Pada minggu lalu, Menteri Pendidikan telah berkata dalam Parlimen ini apabila beliau menjawab bahawa beliau tidak dapat mencampurtangan dalam keputusan Senat Universiti Malaya yang membenarkan mata pelajaran elektif di Jabatan Pengajian Bahasa diadakan dalam Bahasa Malaysia sahaja. Beliau mengatakan universiti adalah satu badan autonomi penuh dan beliau tidak boleh campurtangan dalam keputusan Senat. Beliau mengkritik DAP kerana berkehendakkan Senat untuk membatalkan keputusan mereka tentang mata pelajaran elektif dan mengatakan DAP yang selalu menyokong status autonomi universiti kini bercanggah dengan apa yang telah dilakukan sepanjang ini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri juga mempunyai pendirian yang berlainan, dengan izin, double standards. Pada tahun 1971 autonomi universiti telah diketepikan oleh Menteri Pelajaran pada masa itu apabila melaksanakan University and University Colleges Act (U.U.C.A.) walaupun bantahan-bantahan telah

dibuat oleh pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar universiti. Pada tahun 1975, sekali lagi autonomi universiti diketepikan iaitu apabila Dr Mahathir, Menteri Pendidikan pada masa itu adalah Menteri Pelajaran telah meminda U.U.C.A. Sudah tentu setiap orang masih ingat pada masa itu, Encik Anwar Ibrahim belum jadi Menteri masa itu.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta penjelasankah?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, sebab Yang Berhormat ada menyebut nama sedangkan kita tidak boleh menyebut nama, kita hanya boleh menyebut kawasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Betul.

Dr Chen Man Hin: Saya faham, tetapi masa itu dia belum jadi Menteri, masa itu dia.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Katalah begitu.

Dr Chen Man Hin: Masa itu Enctk Anwar Ibrahim yang masih muda adalah pemimpin ABIM dan beliau telah menentang U.U.C.A..

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat katalah begini, "Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang masa itu. . . ."

Dr Chen Man Hin: Boleh. kerana ia melanggar autonomi universiti dan kebebasan akademik. Pada hari ini kita masih belum lihat Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim yang belum jadi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dr Chen Man Hin: Yang Berhormat Menteri Pendidikan masa itu Anwar Ibrahim, sebagai Menteri Pendidikan untuk memansuhkan UUCA atau menaikan janjinya mengenai autonomi universiti. Keputusan senate mengenai mata pelajaran elektif tidak boleh ditinjau sebagai satu masalah akademik sahaja sebab ia akan menunjukkan pandangan yang sempit. Sekiranya ia ditinjau dari perspektif yang betul,

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan atau point of order?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan, boleh?

Dr Chen Man Hin: Boleh.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa rombongan daripada parti DAP, sama ada Yang Berhormat dari Seremban itu turut sama dalam rombongan tersebut saya tidak tahu, telah pun menemui Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mendapat penerangan serta kedudukan mengenai mata pelajaran elektif di universiti. Di dalam perjumpaan yang dihadiri oleh serombongan daripada parti DAP telah pun diberi penerangan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan mereka telah berpuas hati dengan penerangan dan penjelasan yang diberikan oleh Menteri tersebut. Tetapi sehari selepas daripada penerangan dan penjelasan itu diberikan. DAP termasuklah beberapa Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini telah pun mengetuai satu tunjuk perasaan di pintu pagar Universiti Malaya. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh parti DAP ini sebagai satu sikap yang bertanggungjawab setelah mereka berpuas hati dengan penerangan dan penjelasan yang diberikan oleh Yang

Berhormat Menteri Pendidikan tersebut. Kalau DAP ini satu parti yang bertanggungjawab dan mempunyai moral, maka saya tidak nampak bagaimana tunjuk perasaan itu perlu diadakan dan bolehkah Yang Berhormat dari Seremban menerangkan kedudukan ini kepada Dewan yang mulia ini. Jangan dia menyebut bahawa kesalahan itu dibebankan secara keseluruhan kepada Menteri Pendidikan sahaja.

Dr Chen Man Hin: Terima kasih. Kita ada berdialog dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kami ada bertukar fikiran sahaja, tetapi tidak ada perjanjian dari sesiapa pada masa itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dua minit lagi, Yang Berhormat.

Dr Chen Man Hin: Sebelum habis, saya gulunglah.

Sekiranya ditinjau dari perspektif yang betul, ia juga adalah merupakan satu subjek di mana ia melibatkan sensitiviti dan aspirasi kebudayaan. DAP telah mengeluarkan pandangan-pandangan dan bantahan-bantahan terhadap perkara ini. Begitu juga dengan ahli akademik dan juga MCA dan MIC.

Faktor-faktor, dengan izin, overriding, adalah merupakan urusan setiap rakyat yang membayar cukai untuk pengurusan universiti-universiti sensitiviti kebudayaan dan penghormatan Article 152 dalam Perlembagaan Persekutuan. DAP menyeru Menteri Pendidikan mengkaji semula keputusan Senate mengenai mata pelajaran elektif dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasinya.

Akhirnya, saya telah lihat betapa senangnya satu-satu perkara pendidikan boleh menjadi satu isu dan kemudiannya berkembang menjadi satu perkara kontroversi. Pendidikan

adaiah satu perkara yang sensitif terutama dalam masyarakat yang berbilang kaum.

Pentadbir-pentadbir dan birokrat-birokrat meninjau direktif ini sebagai satu masalah pentadbiran tanpa menyedari implikasi dan reaksi-reaksi rakyat. Kehendak-kehendak dan aspirasi ibu bapa, kearifan dan pengalaman ahli-ahli pendidik dan pemimpin-pemimpin agama, panduan dan nasihat oleh tokoh-tokoh politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan yang mengelilingi masalah-masalah pendidikan adalah merupakan faktor-faktor yang patut dipertimbangkan oleh Kementerian Pendidikan sebelum sesuatu keputusan diambil.

DAP menyeru Menteri Pendidikan menubuhkan satu Majlis Penasihat Pendidikan (Advisory Council) untuk membincang dan menasihati tentang polisi-polisi pendidikan untuk mencegah timbulnya isu-isu dan kontroversi darinya dan memastikan satu sistem pendidikan yang lancar dan licin dijalankan di negara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Bachok.

4.56 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Maksud Bekalan 26—Kementerian Pendidikan, Butiran 010000 Pendidikan Rendah dan Menengah; Program 010300 Pendidikan Rendah, muka surat 123 dan Butiran 010400 Pendidikan Menengah, muka surat 123 dan seterusnya Program 010600 Pengurusan Pendidikan Agama.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan ini terus menerus mendapat peruntukan yang utama sesuai dengan tujuan dan tugasnya. Tujuannya untuk mendidik rakyat

Malaysia melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan supaya membolehkan mereka menjadi warganegara yang berpengalaman, bertanggungjawab, berkebolehan bagi memenuhi kehendak negara yang sedang membangun sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru, di samping mewujudkan masyarakat yang taat setia, berdisiplin dan bersatu padu. Proses pendidikan ini sememangnya berlaku di sepanjang hayat dari saat seseorang itu dilahirkan sehinggalah nafasnya yang terakhir. Pendidikan, pembelajaran dan pengajaran adalah tiga unsur atau tiga serangkai yang saling sandar menyandar di antara satu sama lain.

Peruntukan Bekalan Anggaran Mengurus tahun 1988 adalah sebanyak \$4,037,064,300, manakala Anggaran Pembangunan pula \$858,663.350 menjadikan jumlah \$4,895,728.050. Ini merupakan Kementerian Pendidikan mendapat tempat yang pertama di dalam Anggaran Perbelanjaan 1988.

Perkara yang pertama, saya suka terus kepada Program 010600 Pengurusan Pendidikan Agama. Di sini peruntukannya \$857,000. Saya memang berterima kasih kepada Bahagian Agama, Kementerian Pendidikan kerana mengambil berat terhadap urusan Pendidikan Agama Islam dengan begitu baik. Bidang mata pelajaran pendidikan agama Islam terutamanya bahagian sekolah rendah, mata pelajaran pendidikan agama Islam ini mengandungi dua bidang, iaitu bidang asuhan membaca Al-Ouran yang menjadi teras dan bidang rampaian pendidikan agama Islam yang meliputi aspek budi pekerti, akidah, ibadat dan surah Rasulullah s.a.w. Dua pertiga masa yang diperuntukkan hendaklah ditumpukan kepada bidang asuhan membaca Al-Ouran dan satu pertiga lagi dikhaskan untuk bidang rampaian pendidikan agama Islam. Saya

difahamkan dua pertiga daripada masa yang diperuntukkan hendaklah ditumpukan kepada bidang asuhan membaca Al-Quran. Bidang ini ditumpukan kepada aspek membaca, menghafal dan menghayati pembacaan ayat dari surat yang tertentu Juzuk 30 Suratul "Ammah, di samping mempelajari hukum-hukum tajwid dan mengamalkannya.

Sebagai persediaan untuk memudahkan proses bacaan dan hafalan, murid-murid dikehendaki mengulang sebutan kalimah dari potongan ayat dengan betul dan fasih. Aktiviti ini merupakan satu kemahiran pra-syarat untuk membaca dan menghafal. Guru hendaklah selalu memberi urutan pengertian mengikut struktur ayat dan menjelaskan pengertian ayat tersebut dengan memberi penekanan kepada kesimpulan dan pengajaran ayat untuk dihayati.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini saya suka menyatakan bahawa memang mata pelajaran agama itu dengan susunannya, dengan sukatan pelajarannya, dengan pendekatannya dan sebagainya amat baik sekali, tetapi saya dukacita kerana masa yang diperuntukkan kepada mata pelajaran Agama Islam ini adalah terlampau terhad.

Dengan sukatan pelajaran yang begitu baik saya hanya dapati masa yang diuntukkan dalam seminggu kepada mata pelajaran agama ini khususnya di sekolah rendah ialah sebanyak 180 minit sahaja. Jadi, kalau dengan 180 minit sahaja hendak dibahagikan kepada dua bahagian tadi terutama sekali Asuhan Membaca Al-Quran dan kepada Rampaian Pendidikan Agama Islam tentulah saya kira tidak mencukupi. Kalau kita kira dalam sepeggal kita ada 13 minggu atau 14 minggu. Kita tolak beberapa hari yang tertentu, kita ambil 12 minggu sahaja. Jadi, dalam 12 minggu mungkin barangkali

Asuhan Membaca Al-Quran boleh kita adakan sebanyak lebih daripada 40 kali, manakala Rampaian Pendidikan Agama Islam mungkin kita akan dapat lima ataupun enam kali tiap-tiap satu peggal. Ertinya Budi Pekerti enam kali, Akidah enam kali ataupun lima kali, Ibadah enam kali dan Sirah enam kali dalam sepeggal, ertinya kalau sekiranya dalam setahun tiga peggal, sebanyak-banyaknya tiap-tiap Rampaian Pendidikan Agama Islam itu ialah 15 hingga 18 kali. Jadi, masa ini sudah tentu tidak mencukupi, Tuan Pengerusi, lebih-lebih lagi mata pelajaran Jawi ada di dalam pelajaran Agama. Jadi, macam mana kita beria-ia hendak mencgakkan. hendak membaiki, hendak melatih anak-anak kita terutama sekali dalam bahagian Jawi. Jadi, kalau 180 minit itu diuntukkan seminggu kepada mata pelajaran agama kepada dua bahagian tadi dan dalam 180 minit itu juga diselitnya dengan mata pelajaran Jawi, maka sudah tentu hasilnya ataupun kejayaannya menjadi tandatanya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyebut sedikit tentang soal Jawi kerana dalam pengurusan pendidikan agama ini termasuk juga soal-soal Jawi. Tulisan Jawi pada mulanya dimasukkan ataupun pelajaran Jawi pada mulanya dimasukkan di bawah Bahasa Malaysia, tetapi pada masa-masa terakhir ini Jawi telah diletakkan di bawah pelajaran Agama Islam dan ini saya bersetuju; cuma yang saya timbulkan ini, saya pertikaikan ini ialah masa yang diuntukkan itu. Jadi, kalau kita kira bidang yang diuntukkan ataupun sebagai perkara yang mesti diajar di dalam bahagian Jawi, sedangkan masa tidak diperuntukkan khusus kepada Jawi, masanya diuntukkan kepada mata pelajaran Agama tadi dan itupun sudah terhad.

Saya suka menyatakan dalam Dewan ini, dalam bahagian Jawi, membaca perkataan yang berimbunan

di awal, membaca perkataan yang berimbuhan di akhir, masa cuma kita hendak ambil di dalam peruntukan 180 minit tadi. Yang 180 minit seminggu itu sudah mengandungi dua bahagian sebagaimana yang saya nyatakan tadi membaca perkataan berimbuhan awalan dan akhiran, membaca perkataan tradisi, membaca perkataan pinjaman dari bahasa Arab, membaca rangkaian kata ayat atau karangan pendek, membaca ayat dengan sebutan dan antonasi yang betul, menulis perkataan yang direncanakan, mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat, menulit ayat yang direncanakan, menggunakan tanda baca noktah, soat, seruan, koma, pengikat kata dan perkataan berganda, menulis jawapan kefahaman berdasarkan bahan yang dibaca, memindahkan skrip rumi ke jawi. Jadi, isi kandungan ataupun kita kata sukatan pelajaran Jawi ini memung begitu luas dan banyak dan sudah tentu sekali masa itu tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya masa kepada mata pelajaran Agama Islam itu hendaklah ditambah menjadikan lebih banyak lagi daripada hari ini.

Saya tahu satu ketika dahulu mata pelajaran Agama seminggu bagi sekolah rendah ialah sebanyak 120 minit dan pada masa sekarang ditambah lagi 60 minit menjadi 180 minit. Jadi, saya kira 180 minit itu memang jauh daripada mencukupi.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang suka saya hendak nyatakan di sini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Ya?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masa sudah cukup.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Ada sedikit lagi. Sedikit lagi fasal perkapita fasal bantuan LPBT. LPBT ini ialah Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun bagi Sekolah-sekolah.

Klta tahu sekarang murid-murid sekolah di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak berjumlah kira-kira 3 juta orang dan bantuan ke sekolah diberi atas dasar kepala murid. Kalau tak silap saya sudah dua kali berubah bantuan perkapita ini.

Semasa saya dalam sekolah dahulu perkapitanya kecil, sesuaiilah pada masa itu sebab barangnya murah. Selepas itu ada perubahan saya terlupa mungkin dalam tahun 70'an, tahun 1972 ke 1974, ketika Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan pada hari ini menjadi Menteri Pelajaran Malaysia, dan kali yang kedua perubahannya mengikut Surat Pekeliling Bil. 7 tahun 1979 ertinya dalam tahun 1979, itulah perubahan perkapita ataupun kadar bantuan LPBT kepada sekolah yang paling terakhir sekali. Mungkin sekiranya tidak betul saya minta pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan membetulinya. Jadi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Ya. Jadi, pada masa ini kalau sesebuah sekolah itu mempunyai murid 1,000 orang umpamanya, ia hanya mendapat jumlah perkapita ataupun bantuan berdasarkan kepala itu ialah sebanyak tidak sampai \$10,000. Saya percaya dengan peruntukan yang sebegitu kecil maka sudah tentu perbelanjaan untuk mengurus di sekolah itu tidak mencukupi, lebih-lebih lagi kalau kita tengok kepada kegiatan KBSR yang terpaksa menggunakan alat-alat tiga, empat kali ganda lebih besar daripada

yang ada dahulu. Kalau dahulu barang itu sudah tiga kali naik tetapi ditambah pula dengan kegunaan alat-alat pelajaran itu tiga kali ganda, jadi sudah sampailah masanya, saya rasa, pihak Kementerian Pelajaran mengkaji semula dalam segi bantuan LPBT yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sepang.

5.09ptg.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Maksud Bekalan 26, Kementerian Pendidikan, Butiran 070000, muka surat 127, Pendidikan Guru.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang mulai daripada tahun ini telah pun mengurangkan kemasukan guru-guru pelatih wanita di dalam maktab-maktab perguruan.

Saya tidak berhasrat untuk menyinggung, lebih-lebih lagi guru-guru wanita, tetapi oleh kerana apa yang kita sedar bahawa penempatan guru-guru di sekolah-sekolah, terutama sekali di dalam bandar atau di kawasan pinggir bandar telah begitu ramai tenaga pengajar terdiri dari guru-guru wanita. Ada setengah-setengah sekolah tidak sampai 5% atau 6% guru-gurunya adalah guru-guru wanita, hanya 3 atau 4 orang sahaja guru-guru lelaki. Namun, kemungkinan kita tidak menafikan juga kecekapan dedikasi guru-guru wanita di dalam menjalarkan pendidikan di sekolah-sekolah, tetapi apabila berhadapan dengan berbagai-bagai masalah ko-kurikulum dan sebagainya, maka tidak dapat dielakkan guru-guru lelaki akan

menjadi atau menanggung beban yang lebih. Oleh kerana itu rasanya amatlah wajar jika dapat dikurangkan kemasukan guru-guru pelatih wanita ini, semoga pada tahun-tahun akan datang, dapat diseimbangkan penempatan guru-guru wanita dan juga guru-guru lelaki. Kalau hari ini penempatan yang tidak seimbang itu ketara di kawasan bandar atau di pekan kecil, tetapi nampaknya telah menular ke luar-luar bandar.

Selain daripada itu, saya suka juga bercakap berkenaan dengan pendidikan guru. Nampaknya kita telah menekankan banyak kepada pendidikan-pendidikan dari segi guru sekolah rendah dan menengah, tetapi kita kurang menekankan kepada pendidikan guru-guru agama ataupun pendidikan dengan melahirkan atau membina Maktab Perguruan Agama. Saya tahu, sehingga hari ini hanya satu sahaja Maktab Perguruan Agama dan saya kira akan dibina satu yang baru. Saya mengucapkan tahniah kerana tempat yang hendak dibina itu pun di kawasan saya, Bandar Baru Bangi. Namun demikian, kalau pun ada satu sahaja Maktab Perguruan Agama, saya kira masih belum mencukupi berbanding dengan Maktab-maktab Perguruan yang lain yang ada di dalam negara kita ini.

Walaupun keadaan tidak mengizinkan, kita yakin bahawa dalam masa 5 atau 6 tahun akan datang kita tidak akan menghadapi kekurangan guru-guru agama terlatih. Hari ini terdapat sambutan para ibu bapa terhadap menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama menengah dan kita dapati bahawa sekolah-sekolah agama menengah sekarang ini terdapat kekurangan guru-guru yang terlatih. Kebanyakan daripada mereka diambil daripada guru-guru yang mendapat didikan ataupun diberi dengan guru sangkut dan sebagainya yang mana kalau dapat dipertambahkan Maktab-maktab

Perguruan dan kemasukan pelatih-pelatihnya, maka di dalam 5 atau 6 tahun yang akan datang kita akan memperolehi guru-guru agama yang terlatih.

Selain daripada itu hampir ke semua sekolah-sekolah menengah kita telah mempunyai kelab-kelab komputer dan telah pun menular sambutannya ke sekolah-sekolah rendah, terutama di bandar-bandar. Jadi saya kira daripada kelab-kelab komputer ini maka lahirlah satu pendidikan komputer pada 5 atau 10 tahun akan datang, kerana memandangkan sambutan yang begitu menggalakkan. Saya yakin dan percaya Kementerian Pendidikan belum ada hasrat untuk menyediakan atau memberi latihan guru di dalam bidang komputer. Jadi janganlah sampai masanya kita memerlukan nanti, barulah kita hendak cari guru-guru komputer yang terlatih dan ketika itu kita menghadapi kekurangan. Saya menyarankan supaya dapat dirancangan pendidikan komputer secara formal dan mulai dari sekarang dilatih guru-guru pendidikan komputer ini. Saya percaya kita boleh gunakan kemudahan yang ada sekarang seperti di Universiti Teknologi Malaysia dan pada bila-bila masa rasa saya dengan saranan dan arahan daripada Kementerian dapat kita mengaturkan pendidikan guru komputer.

Satu perkara lagi yang saya ingin rujukkan ialah Maksud P.26, Butiran 01100, Bantuan Modal.

Saya dapati peruntukan yang disediakan ialah sebanyak \$2 juta, dan masalah yang di hadapan kita ialah sekolah-sekolah sepatutnya memperolehi bantuan modal ini, seperti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang terdapat di luar-luar bandar memang memerlukan, terutama sekali pembinaan sekolah-sekolah baru. Kalau tidak pun sedemikian, sekurang-kurangnya kita harus

memperbaiki sekolah-sekolah yang telah lama, yang telah bocor, roboh dan sebagainya.

Saya dapat tahu melalui surat khabar bahawa Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah pun mendapat peruntukan sebanyak lebihkurang \$4 juta, di mana akan diagihkan pembinaan sekolah-sekolah Tamil. Saya ingin tahu melalui Kementerian Pendidikan, adakah peruntukan pembinaan sekolah-sekolah Tamil ini disalurkan kepada Menteri Kerja Raya ataupun apakah peruntukan khusus untuk membina sekolah-sekolah Tamil ini ada pada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Kalau demikian, saya rasa amat mudah sedikit, kerana tentulah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya juga tidak melupakan pembinaan sekolah-sekolah yang begitu perlu di dalam kawasan saya sendiri iaitu kawasan Sepang. Saya fikirkan kalau perkara ini berlaku sedemikian, tentulah juga Ketua-ketua parti lain juga nanti mungkin mendapat peruntukan yang sama seperti Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, yang saya ingin bangkitkan ialah Butiran 00800, muka surat 129—Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Saya suka hendak memberikan pandangan bahawa keadaan rumah-rumah guru di luar bandar hari ini amatlah menyedihkan. Sebahagian daripada rumah-rumah guru ini tidak dapat didiami lagi oleh guru-guru dan terpaksa ditinggalkan, sama ada membeli rumah ataupun menyewa rumah di sekitar sekolah atau di sekitar bandar kecil yang berdekatan, kerana keadaan rumah-rumah guru ini amat menyedihkan. Jadi, sehingga ada kedapatan guru besar tidak tinggal di rumah guru yang disediakan, guru-guru tidak tinggal di rumah guru-guru yang disediakan, tetapi tukang kebun sekolah tinggal di sana, mungkin agaknya kepada tukang kebun

sekolah, pekerja-pekerja sekolah, rumah yang disediakan itu telah cukup baik bagi mereka.

Saya suka mengambil contoh kepada beberapa rumah guru sekolah di kawasan saya yang telah begitu uzur yang tidak dapat digunakan, terutama sekali Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Meranti; Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal; Sekolah Kebangsaan Kampung Dato' Abu Bakar; Sekolah Kebangsaan Sungai Merap dan beberapa banyak lagi rumah-rumah guru yang terpaksa ditinggalkan bocor dan hampir-hampir roboh kerana, pertama sekali tidak ada peruntukan pembaikan; yang kedua, mungkin guru-guru merasakan tidak berapa selesa tinggal di rumah tersebut.

Saya menyarankan supaya rumah-rumah guru ini dapat diperbaiki, dipertingkatkan malahan dapat diperbanyakkan menyebabkan guru-guru tidak dapat tinggal di kawasan persekolahan, apatah lagi di kampung-kampung di luar-luar bandar ini. Mereka terpaksa menggunakan masa yang panjang berulang-alik daripada rumah mereka dan kurang sedikit penumpuan mereka bukan sahaja terhadap sekolah malahan terhadap masyarakat setempat.

Sekali lagi saya menyarankan supaya Kementerian Pendidikan dapat menambah, membanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah guru terutama sekali di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.22 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama membahaskan Maksud Bekalan B.26. Mula-mula saya ingin menyentuh kepada Butiran 10000 Pendidikan Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, pendidikan di sekolah rendah yang bermula daripada tahun hadapan saya fikir akan diadakan Peperiksaan UPSR (Ujian Pencapaian Sekolah Rendah). di mana ini merupakan kemuncak daripada Sistem KBSR yang telah dan sedang dijalankan sekarang ini. Dalam peperiksaan ini Tuan Pengerusi, beberapa mata pelajaran telah diambilkira untuk diuji kepada murid-murid yang mengambil bahagian dalam peperiksaan tersebut seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mathematics dan Oral. Berdasarkan kepada peperiksaan ini murid-murid yang mendapat keputusan yang baik dan markah tertinggi akan dipilih untuk memasuki ke Sekolah-sekolah Berasrama Penuh Kementerian Pendidikan.

Apa yang saya bimbangkan di sini, kemungkinan ramai murid-murid yang berjaya mendapat markah yang baik dan tidak mempunyai tempat yang cukup bagi ditempatkan di sekolah-sekolah berasrama. Dalam pada itu satu kriteria lagi pemilihan, saya difahamkan Kementerian Pendidikan akan mengambilkira tentang kegiatan penuntut-penuntut atau murid-murid dalam bidang ko-kurikulum, di mana rekod-rekod ko-kurikulum ini ada disimpan di sekolah oleh Guru-guru Besar atau Pengetua masing-masing. Oieh itu berdasarkan kepada pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini kepada soalan di Dewan ini, di mana Sekolah Menengah Sains Selangor akan menempatkan murid-murid miskin dari luar bandar yang mendapat keputusan 3A, 2B yang baik berlatarbelakangkan kemiskinan akan diberi tempat. Oleh hal yang demikian, saya berharap Kementerian Pendidikan akan memilih dengan betul dan sungguh-sungguh kepada faktor kemiskinan di luar bandar bagi menempatkan murid-murid ini ke sekolah-sekolah berasrama penuh.

Tuan Pengerusi, saya merujuk juga kepada Butiran 010100 Pengurusan dan Pendidikan Rendah dan Menengah. Memanglah saya menyokong saranan Yang Berhormat dari Bachok supaya dikaji semula bantuan ke sekolah-sekolah kepada launching grant, dengan izin ataupun wang LPBT dan LPK dikira semula dan dinaikkan walaupun anggaran di sini agak rendah kerana dari segi agihan ini, mungkin Guru Besar akan memperuntukkan kepada bukan sahaja dalam bidang pelajaran tetapi juga termasuk bidang ko-kurikulum di mana bidang ko-kurikulum ini diambilkira dalam penempatan murid-murid untuk masuk ke Sekolah-sekolah Menengah.

Kita rasa agak dukacita kerana dalam pergerakan atau kegiatan ko-kurikulum mi contohnya seperti "Musabaqah Al-Quran" sama ada di peringkat negeri, daerah atau kebangsaan tidak mempunyai peruntukan yang cukup dan bila ini hendak dilaksanakan terpaksa Guru-guru Besar ini meminta bantuan ke sana ke sini, menjadi pengemis kerana untuk melancarkan atau melaksanakan rancangan Kementerian. Di samping itu kita menyedari juga bahawa kurangnya minat membaca di kalangan murid-murid. Oleh hal yang demikian, bantuan kepada perpustakaan hendaklah diambilkira dan diperhatikan serta diberi agihan yang lebih kerana bukan sahaja kita menggalakkan masyarakat supaya ingin membaca tetapi ingin melihat "Budaya Membaca" di kalangan rakyat kita sesuai dengan "Tahun Membaca" tahun hadapan. Oleh itu Kementerian ini mestilah bersedia untuk memberikan peruntukan dan agihan yang berlebihan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Pendidikan Khas, Butiran 010500. Saya ingin menarik kepada kanak-kanak atau murid-murid yang

lembab termasuklah yang terencat akal, murid-murid yang pekak, murid-murid yang cacat anggota, bisu dan sebagainya. Kementerian Pelajaran mestilah memberikan perhatian kepada kanak-kanak jenis yang disebutkan ini dengan mengadakan guru yang mencukupi. Latihan kepada guru-guru ini hendaklah diberikan secara serius kerana saya dapat tahu bahawa pendidikan khas dalam bidang kanak-kanak lembab ini agak tidak begitu diperhatikan dan kadangkala dalam sebuah ataupun satu daerah hanya 2-3 orang guru sahaja yang dihantar berlatih atau seorang guru sahaja dihantar berlatih, itu pun menurut maklumat yang saya tahu dilatih ke luar negeri. Oleh hal yang demikian, saya berharap kepada Kementerian ini untuk memberikan tumpuan dan perhatian kepada melatih kanak-kanak bisu, kanak-kanak cacat dan yang lembab serta terencat akal itu termasuklah juga memberikan penekanan yang lebih kepada "Pelajaran Bahasa Isyarat" yang saya kira perlu diambil perhatian dari sekarang.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Butiran 030200 Pentadbiran Pendidikan Negeri-negeri.

Saya ingin merujuk kepada kenalkan pangkat Guru-guru Besar dan Pengetua-pengetua baru-baru ini. Saya mendapat tahu daripada kalangan guru-guru bahawa timbul rasa tidak puas hati di kalangan mereka ke atas penyusunan pentadbiran yang dilakukan oleh pihak Pelajaran Negeri dalam menempatkan guru-guru di sekolah-sekolah. Dengan kadar kenaikan \$40 sahaja mereka terpaksa pindah daripada kampung ke bandar dan ini mereka terpaksa menghadapi tekanan hidup, kesempatan hidup, terpaksa menyewa rumah di bandar yang tidak mampu oleh mereka. Oleh hal yang demikian, kita tidak hairan kalau ada di kalangan Guru Besar atau

Guru Penolong Kanan terpaksa tinggal di sekolah ataupun menyewa ataupun tidur di kantin-kantin kerana tidak berkemampuan bagi menyewa rumah di bandar-bandar.

Selain daripada itu Butiran berikutnya kita akan menekankan kepada peruntukan \$19,197,100—Rumah-rumah Guru di Luar Bandar di Semenanjung, perkara yang saya tekankan tadi kepada Kementerian Pendidikan supaya mengamalkan terus sistem kenaikan pangkat ini tanpa mengira di mana mereka berada, tanpa mengira bandar dan luar bandar, maka haruslah faktor membina rumah guru juga hendaklah wujud bukan sahaja di bandar, tetapi di luar bandar kerana guru daripada luar bandar akan pindah ke bandar mengisi kekosongan jawatan yang ada.

Dalam hal ini, saya suka mencadangkan kenapa tidak kenaikan pangkat dilakukan di sekolah yang berkenaan atau sekolah yang berhampiran, tidak mesti seseorang itu bila naik pangkat dipindahkan ke sekolah bandar atau ke sekolah yang lain.

Saya mendapat tahu bahawa Kementerian Pendidikan selalunya terikat kepada kehendak daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan kadang-kala pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam yang menyusun ini juga sebenarnya mereka ini adalah menjadi murid kepada guru-guru yang berkenaan yang perlu juga dipertimbangkan bahawa penempatan kenaikan pangkat ini patut ada pada sekolah-sekolah yang mereka sedang bertugas sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Butiran 030900 Bantuan kepada Badan-badan Pelajaran dan lain-lain.

Pertama saya menyentuh kepada bantuan kepada Dewan Bahasa dan

Pustaka yang bernilai \$16 juta. Saya berharap Dewan Bahasa dan Pustaka akan dapat banyak menterjemahkan buku-buku ilmiah di peringkat rendah, menengah dan tinggi khususnya dalam Bahasa Kebangsaan. Kita menyedari bahawa baru-baru ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah dikritik dan ditegur khususnya oleh Menteri yang berkenaan.

Saya fikir tidak perlu teguran ini dibuat secara terbuka tetapi arahan terus diperhatikan dan ditumpukan kepada DBP atau Dewan Bahasa dan Pustaka dan janganlah dianggap sebagai lembab dan bila teguran ini dibuat barulah nampak ada pembaharuan.

Saya suka menyarankan kalau betul Dewan Bahasa dan Pustaka ini lembab satu struktur pembaharuan ataupun penyusunan semula mestilah dibuat bagi melaksanakan cita-cita Dewan Bahasa dan Pustaka mencapai kepada matlamat yang kita kehendaki.

Di samping itu saya mencadangkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dapat kiranya mengeluarkan buku-buku teks dalam tulisan jawi kerana tadi telah diperkatakan oleh heberapa orang yang bercakap sebelum ini penekanan kepada tulisan jawi dalam KBSR dan KBSM di samping itu tidak cukup sekiranya pihak pengeluar, pihak penerbit kurang menerbitkan buku-buku dalam tulisan jawi.

Oleh itu saya memohon supaya Dewan Bahasa dan Pustaka mempelopori kepada penerbit-penerbit yang lain bagi membuat dalam bentuk tulisan jawi.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh juga kepada bantuan kepada Persatuan Sejarah Malaysia. Saya perhatikan bahawa Persatuan Sejarah Malaysia khususnya Persatuan Sejarah Negeri tidak bergerak dengan baik dan ada di antaranya yang tidur.

Kementerian ini perlulah memperhatikan dan kepada mereka yang memegang pcranan dalam persatuan ini mestilah menggerakkan semula bagi memperkenalkan, meningkat, mengkaji dan juga menghayati tentang sejarah tempatan, sejarah negeri dan sejarah negara kita hari ini untuk dikenalkan kepada generasi baru, generasi akan datang dan juga khususnya kepada pelajar-pelajar kita hari ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Pengerusi, untuk menggulung, saya suka menekankan kepada Kementerian ini supaya memberikan bantuan yang lebih kepada bantuan asrama di bawah Kementerian khususnya di luar bandar, terutama kepada negeri-negeri yang tidak maju seperti negeri Pantai Timur dan juga di kawasan saya Sabak Bernam.

Akhirnya dalam ucapan saya Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Pembangunan P.26 di mana saya berharap pendidikan sekolah rendah dan menengah ini haruslah juga dicadangkan dan dilebihkan kepada sekolah menengah agama. Saya di sini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah mengubah Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang 5 kepada Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh dan saya mencadangkan kalaulah langkah ini diteruskan oleh Kementerian di mana Kementerian mengambil tiap-tiap negeri hendaknya sebuah sekolah menengah kebangsaan yang ada dijadikan sekolah menengah agama berasrama maka saya percaya, Kementerian Pendidikan akan mengatasi masalah permintaan yang begitu tinggi kepada sekolah menengah agama ini.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.35 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, dalam Maksud B.26 muka surat 123, saya ingin menyentuh Butiran 010000 Pendidikan Rendah dan Menengah, Butiran Kecil 010600 Pengurusan Pendidikan Agama.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat perkembangan pelajaran dalam negara kita hari ini sungguh kita merasa bangga dan gembira sejak kemerdekaan dicapai pada 31hb Ogos, 1957 kerana ruang pelajaran yang wujud melalui Kementerian sentiasa meningkat dari masa ke semasa iaitu dari rendah kepada menengah dan dari menengah terus ke universiti.

Begitu juga kalau kita melihat peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada Kementerian setiap tahun bertambah jumlahnya dan lebih besar dari peruntukan-peruntukan yang diberi kepada Kementerian-kementerian lain cumanya tahun ini ada menurun sedikit. Ini menunjukkan begitu besar minat dan hasrat Kerajaan khususnya Kementerian ini sendiri dalam usaha membimbing dan membangunkan rakyatnya ke arah suatu tahap kehidupan yang menjamin. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas perhatian yang begitu berat oleh Kerajaan.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, dalam tempoh hampir 30 tahun Kementerian ini wujud nama Kementerian disebut Kementerian Pelajaran dahulu telah bertukar menjadi Kementerian Pendidikan. Alhamdulillah nama ini baik dan comel. Dan kita harap ianya suatu pertanda yang baik dan berkat apa lagi

Kementerian ini sekarang disandang oleh seorang yang berminat dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, berpandukan kepada Buku Anggaran Belanjawan, muka surat 195 mengenai tujuan Kementerian Pendidikan saya masih samar-samar melihat matlamat pendidikan sebenarnya dan kukuh dan sehingga ini kita tidak dapat melihat apa corak yang nyata melalui dasar pelajaran kebangsaan yang dicipta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, dunia mana, negara mana dan Kerajaan mana sekalipun, pelajaranlah mempunyai matlamat yang unggul dan d'ngah pelajaranlah Kerajaan dapat membentuk dan mencorakkan generasi masyarakat dan rakyatnya ke arah cita-cita luhur dan harmoni. Gagalnya sistem pelajaran dan pendidikan maka gagallah pula segala cita-cita negara. Saya masih berani mengatakan bahawa Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia masih tidak menentu dan sehingga ini masih dalam percubaan walau berbagai ko-kurikulum dilakukan ia tidak dapat membentuk dan melahirkan peribadi seorang insan kamil, saleh, beramal dan bertanggungjawab sebagaimana yang dimimpikan oleh Menteri berkenaan.

Inilah sebabnya hampir 30 tahun kelahiran pelajar-pelajar dari semua peringkat persekolahan tidak mencerminkan akhlak dan peribadi yang terdidik bahkan bertambah liar dan makin menurun jika dibandingkan dengan keadaan sebelum zaman merdeka, sekalipun pada masa itu banyak manusia yang hidup dalam keadaan buta huruf tetapi peribadinya terkawal dan semangatnya bersifat pahlawan cangkul. Ini adalah berpunca dah kegagalan sistem sekular oleh dasar wahsan penjajahan zaman berzaman yang masih menjadi

amalan terus menerus oleh Kerajaan, sedangkan ia tidak lebih dari mengajar manusia supaya tahu membaca dan pandai menulis. Matlamatnya jawatan, pangkat dan harta kekayaan supaya hidupnya nanti senang dan mewah. Adapun hak, kebenaran, akhlak dan nilai-nilai kemanusiaan hidup insan itu sendiri, mereka tidak mengambilkira kerana itu adalah hak personal dan inilah yang membuahkan fahaman manusia, politik suku, agama suku, akhirnya manusia menjadi tiga suku.

Tuan Pengerusi, saya menekankan pandangan ini untuk menyelaras dan mengisi program dan prestasi buku Belanjawan ini sesuai dengan nama Kementerian Pendidikan.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payahlah. Saya mencadangkan Menteri yang berkenaan jangan berbangga dengan simbol nama kebangsaan, perpaduan, pendidikan sahaja sedangkan jalan penyelesaiannya tidak tahu di mana. Dan kalau tahu pun ketegasan tidak ada, akhir sekali kuasa hilang begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, yakinlah bahawa pelajaran itu nadi pembangunan ummah. Ia juga paksi penentuan hidup manusia dan ia sebenarnya makanan rohani dan bukan makanan jasmani. Sebab itu matlamatnya bukan jawatan, bukan pangkat dan bukan harta benda dan pastilah pelajaran dan pendidikan ini bukan setakat untuk membawa manusia dan rakyat terlepas dari penjara buta huruf dan mengenal kebangsaan yang menjadi dasar Kerajaan dan Kementerian ini. Sedangkan

kebangsaan kita sendiri masih belum berpijak di bumi nyata dalam amalnya. Dasar kebangsaan dan dasar sekular tidak mungkin membawa manusia menjadi insan kamil, soleh, beramal dan bertanggungjawab.

Kalau benar itulah yang diidam-idamkan oleh Kementerian ini dan itu matlamatnya saya mengajak Kerajaan dan mencadangkan kepada Menteri berkenaan supaya kembali kepada dasar iqra', dasar yang boleh manusia mengenal hak dan kebenaran. Dasar yang boleh manusia mengenali jahiliah dan amalan-amalannya. Dan dasar yang bila manusia kenal dia sanggup meruntuhnya. Dan ini sekarang bermaharajalela dalam pentadbiran negara bahkan dalam Kementerian Pendidikan ini sendiri. Dan inilah dasar yang telah diperjuangkan oleh Junjangan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. dan telah berjaya melalui dasar iqra' ini beliau menyelesaikan segala-gala masalah. Masalah kebangsaan, masalah ekonomi, masalah pelajaran sendiri dan seterusnya dalam tempoh masa hanya 23 tahun sahaja. Saya percaya Menteri Pendidikan tahu, cumanya beliau tidak berminat. Hari ini tidak datang pula.

Contohnya, Tuan Pengerusi, soalan saya pada 11hb November baru-baru ini mengenai "Warrasatul Ambia", beliau tidak sudi menjawab tetapi diberi kepada Timbalannya. Apakah ini beliau mempersenda-sendakan, main-main atau pandang lekeh kepada soalan atau sendiri tidak tahu jawab? Dan apakah beliau suruh urusan agama Islam kepada orang yang bukan Islam. Mendidik apa? Katau diri pun tidak tahu hendak dididik. Saya kesal dan dukacita.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Point of Order 55 (2) "Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali yang kedua tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butir-butirnya sahaja".

Tetapi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi dia terlampau umum menyentuh dasar-dasar bersabit dengan zaman Nabi dan sebagainya yang tidak bertepatan dengan peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sedikit sebanyak ada.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya faham, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Pengurusan Pendidikan Agama lagi. Peruntukan bagi Pengurusan Pendidikan Agama diturunkan sebanyak \$19,500 bagi tahun 1988. Dibanding dengan tahun ini kebimbangan saya ialah kurangnya peruntukan pendidikan agama. Mungkin kekurangannya itu memungkinkan kurangnya perhatian untuk memajukan pendidikan agama. Kebimbangan itu bertambah apabila dilihat dari keterangan prestasi, aktiviti pendidikan agama, muka surat 197 Buku Program dan Prestasi Belanjawan 1988 boleh dikatakan dalam banyak perkara bilangan untuk tahun 1988 adalah merosot dibandingkan dengan tahun 1987. Bilangan murid Islam di sekolah rendah menurun sebanyak 286,206 orang. Bilangan murid Islam di

sekolah menengah merosot sebanyak 207,762 orang. Dan manakala bilangan orang yang menyertai kursus-kursus agama dalam negeri juga merosot 403 orang. Saya tidak tahu mengapa peristiwa ini boleh berlaku. Tetapi jikalau kita semak kepada prestasi aktiviti mengenai Sekolah Agama Rakyat tahun ini adalah bertambah dan meningkat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sila menggulung.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya kena gulung selalu nampaknya. Satu lagi (*Ketawa*). Saya dukacita, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap susah dah sekali, bercakap tidak berapa boleh pula.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bukan sahaja Yang Berhormat, tetapi semua Yang Berhormat patuhi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maaf satu lagi, Tuan Pengerusi. Tidak boleh sambung?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dalam Pengurusan Pendidikan Agama ini juga, saya dapati bilangan guru-guru yang dihantar mengambil kursus bahasa Arab di luar negeri terus dilaksanakan. Sama bilangannya tahun 1987, bilangan tahun 1988 iaitu 36 orang. Bilangan ini agak kecil dengan bilangan tahun 1985 iaitu 166 orang. Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah. Saya menyokong jika ada rancangan Kerajaan untuk mengadakan mata pelajaran bahasa Arab bagi sekolah-sekolah supaya setiap muhd yang masuk sekolah boleh mengetahui asas

bahasa Arab. Peruntukan yang diberikan itu sangat kecil dipandang dari segi betapa pentingnya Pengurusan Pendidikan Agama ini. Peruntukan itu perlu ditambah sekiranya kita hendak menjadikan pengurusan itu lebih berkesan.

Bahasa Arab selain dari memudahkan seseorang mendalami pelajaran agama ia juga diperlukan oleh rakyat Malaysia di masa yang akan datang disebabkan, perkembangan dalam negeri dan luar negeri. Di dalam negeri kecenderungan mempelajari agama bertambah. Oleh itu mereka cenderung kepada agama akan mempelajari bahasa Arab. Ia akan menggunakan lebih banyak istilah Arab bagi memastikan tidak wujud jurang antara rakyat. Perlu asas bahasa Arab diajar supaya bahasa tadi dapat menghubungkan mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Perhubungan antarabangsa pula, kebangkitan kuasa politik Asia Barat yang memainkan peranan penting dalam politik antarabangsa. Bila orang Amerika sendiri ataupun orang Jepun mulai mempelajari bahasa Arab maka rakyat Malaysia dari semua keturunan hendaklah jangan ketinggalan. Justeru itu bilangan peserta mengikut latihan bahasa Arab di luar negeri perlu ditambah.

Bilangan seramai 36 orang yang ditentukan dalam Belanjawan ini saya anggap tidak memadai.

Tuan Pengerusi, Butiran 030000, Butiran.

Seorang Ahli: (*Menyampuk*).

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Speakerkah ini? Butiran 03000.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila menggulung.

Seorang Ahli: Sudah dua kali gulung. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dua baris sahaja lagi. Butiran kecil 030900 Bantuan Badan-badan Pelajaran dan lain-lain Bantuan Antarabangsa. Badan yang terus mendapat bantuan ialah Dewan Bahasa dan Pustaka. Peruntukan bagi tahun 1988 nampaknya dipotong agak banyak. Tahun ini, peruntukan \$25.2 juta. Tetapi tahun ini tinggal \$16 juta sahaja. Jadi, Tuan Pengerusi, kesimpulan saya tidak nampaklah masalah Dewan Bahasa dan Pustaka ini sebab sebagaimana dibangkitkan oleh sahabat saya tadi Menteri berkenaan pun memberi teguran secara terbuka dan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah jawab terbuka. Tetapi dengan peruntukan yang dipotong ini saya tidak nampak bagaimana cara untuk hendak mempertingkatkan cita-cita Kementerian dan Dewan Bahasa dan Pustaka dan saya harap kepada Kementerian berkenaan terutamanya mengenai sistem pendidikan, biarlah dapat diberi perhatian sepenuhnya supaya nama pendidikan itu benar-benar dapat dilihat kejayaan dan hasilnya dan saya harap pihak Kerajaan akan dapat mengubah keadaan pendidikan yang ada di negara kita hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.49ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah mengambil bahagian

untuk membahas peruntukan Kementerian Pendidikan. Saya pun rasa kesal sebab kita ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berpeluang untuk memberi pandangan mereka.

Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab tiap-tiap cadangan atau pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya memberi sedikit gambaran berkenaan dengan peruntukan yang diluluskan dan diberi kepada Kementerian Pendidikan oleh EPU atau Kementerian Kewangan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima dari 1986-1990, Kementerian Pendidikan telah mengemukakan rancangan pembangunan dengan anggaran kos sebanyak \$16.4 billion. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut agensi pusat atau Kementerian Kewangan hanya meluluskan sebanyak \$3.7 billion sahaja. Ini bermakna hanya sebanyak 23.4% sahaja dari keseluruhannya permohonan yang telah dituluskan dan sebab kewangan yang diminta oleh Kementerian Pendidikan pun sudah dipotong dan banyak rancangan-rancangan yang besar yang perlu dijalankan, tidak dapat dijalankan dan Kementerian Pendidikan hendak berjimat-cermat untuk menggunakan wang yang terhad ini.

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan untuk tahun 1988, Perbelanjaan Mengurus yang diminta oleh Kementerian Pendidikan dan akan diberikan oleh Kementerian Kewangan pada tahun ini pun sudah menurun dan. Perbelanjaan Pembangunan hanya tambah \$81 juta sahaja kalau dibandingkan dengan tahun 1987 tetapi dibandingkan dengan 1986 sudah turun \$200 juta. Dan sebab ini banyak belanja yang kita perlu belanjakan dipotong juga.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Padang Terap membangkitkan tiga cadangan atau

masalah iaitu berkait dengan menaikkan pangkat untuk guru-guru dan pelajar untuk ke luar negeri atau untuk ke seberang laut dan masalah bantuan susu hendaklah diganti dengan telur. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tenaga di Kementerian Pendidikan pada tahun ini sudah sampai 230,000 lebih pegawai bercampur dengan guru-guru dan guru-guru sahaja sudah sampai ke 180,000 orang dan sebab ini perbelanjaan untuk membayar gaji dan elaun terlampau besar. Dengan sebab itu, Kerajaan tidak mampu untuk menaikkan pangkat kepada pegawai-pegawai dan guru-guru, tetapi bagaimanapun pada tahun ini dengan keizinan dari Kabinet, Kementerian Pendidikan sudah menaikkan taraf untuk beberapa kategori guru-guru seperti saya akan sebut. Jumlah yang sudah dinaikkan pangkat ialah 6,569 jawatan dan pecahan mengikut kategori dan grad adalah seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Jawatan</i>
D1, Tingkatan-kanan ..	770
C1, Tingkatan-tertinggi ..	449
C2, Tingkatan-tertinggi ..	445
Tingkatan-khas	1,961
C2, Tingkatan-biasa A ..	2,897
T2, Tingkatan-tertinggi ..	32
T2, Tingkatan-khas	15
Jumlah ..	<hr/> 6,569 <hr/>

Ini menunjukkan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Pengemsi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Apa yang saya bangkitkan tadi bukanlah Kategori-kategori B sehingga D. Yang saya maksudkan ialah ratio ataupun nisbah 1:47 adalah

di dalam Kategori A iaitu dalam Division Satu. Saya tidak maksudkan ucapan saya tadi kepada Kategori B ke bawah. Yang saya maksudkan ialah Kategori A.

Tuan Woon See Chin: Tuan Pengerusi, seperti yang saya sudah terangkan tadi, jumlah pegawai di Kementerian Pendidikan adalah banyak dan kalau kita sudah naikkan pangkat kepada mereka dan perbelanjaan kewangan yang hendak dibayar oleh Kementerian Pendidikan akan bertambah juga dan Kementerian Pendidikan tidak ada mencukupi wang yang diuntukkan oleh Kerajaan untuk menambah bayaran gaji kepada mereka dan sebab itu sekarang kita telah mengadakan ratio seperti berikut, tetapi Kementerian Pendidikan sekarang mengkaji adakah kewangan atau kemampuan untuk menjalankan dua skim seperti sudah diumumkan dalam surat khabar itu dan pada sekarang kita tidak dapat satu keizinan dari Kabinet untuk menjalankan gaji dua skim itu.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga membangkitkan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di seberang laut yang mereka memasuki ke maktab sub-standard atau Kerajaan tidak mengiktirafkan sijil mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar keadaan ini dan saya hendak menerangkan bukanlah semua pelajar-pelajar yang dihantar ke seberang laut ialah dihantar oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan menghantarkan sedikit sahaja kepada maktab-maktab dan universiti-universiti yang bertaraf bagus yang diiktiraf oleh Kerajaan ini dan kita mengadakan senarai-senarai universiti-universiti di seberang laut yang bertaraf bagus dan kita selalu menyemak senarai itu sebelum kita menghantar pelajar-pelajar ke luar

negeri. Tetapi senarai-senarai itu bukan selalu tentu dan kekal sebab prestasi universiti-universiti di luar negeri pun akan menurun atau ia boleh jatuh pada satu atau dua tahun dan ini kita tidak dapat menjamin. Tetapi kalau prestasi universiti-universiti di luar negeri seperti USA sudah jatuh, kita akan cuba menukar murid-murid dari universiti itu ke universiti yang bertaraf bagus.

Berkaitan dengan senarai universiti-universiti di USA atau di lain negara Yang Berhormat dapati sudah turun tarafnya dan tidak bagus kita menghantar pelajar-pelajar ke sana, saya berharap Yang Berhormat boleh menyenaraikan nama-nama universiti atau kursus-kursus dan ini akan membantu Kementerian Pendidikan untuk menyemak kes di tiap-tiap universiti sebab itu akan membantu Kementerian Pendidikan. Saya harap usaha dari Yang Berhormat dapat membantu kita untuk menyelamatkan pelajar-pelajar sebelum mereka pergi ke luar negeri.

Yang Berhormat dari Padang Terap pun lagi ada membangkitkan masalah Projek Makanan iaitu Bantuan Susu kepada sekolah-sekolah. Yang Berhormat mencadangkan minuman susu diganti oleh makanan telur. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan ini pun sudah dikaji oleh Kementerian Pendidikan bahagian-bahagian yang terlibat dan kita pun sudah berunding dengan beberapa pakar-pakar makanan dan kita sudah dapati sungguhpun telur itu berkhasiat bagus, nutthion yang bagus, seimbang dengan susu, tetapi pelaksanaannya tidak berapa sesuai dan kita akan menghadapi masalah pelaksanaannya seperti gred atau kualiti telur itu tidak dapat dikawal dan kita tidak dapat kakitangan untuk memasak telur itu dan masalah menyimpan dan lagi kalau kita memberi satu biji telur atau dua biji telur kepada setiap murid bukan sahaja dia boleh makan telur

itu, dia perlu ada minuman soft drink dan sebagainya untuk wash down the egg to the stomach dan ini akan menambahkan perbelanjaan.

Kementerian Pendidikan sekarang memberi bantuan 5 sen sahaja satu kotak susu dan 30 sen hendak dibayar oleh murid-murid dan dengan wang 5 sen itu kita tidak dapatlah membantu untuk memberi satu biji telur untuk seorang murid dan sebab itu kita tidak dapat melaksanakan makanan telur.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Rantau Panjang ada membangkitkan tiga perkara iaitu Pendidikan Agama, Sekolah Agama Rakyat dan Asrama Semenanjung. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Rantau Panjang mencadangkan bahawa menaikkan mengawal penyalahgunaan dadah di prestasi Pendidikan Agama akan kalangan pelajar-pelajar. Di sini saya hendak memberi makluman bahawa saya tidaklah berapa bersetuju kita meningkatkan Pendidikan Agama atau moral akan menghapuskan semua kegiatan-kegiatan salahguna dadah atau menghisap dadah di kalangan pelajar-pelajar ini sebab pelajar-pelajar bukan sahaja hendak dikawal oleh guru-guru di sekolah tetapi hendaklah dikawal oleh ibu bapa, diajar oleh ibu bapa di rumah-rumah juga dan Pendidikan Agama atau moral akan membantu mereka tetapi tidak akan menjamin mereka jauh dari menghisap dadah.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan cadangan untuk memberi bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, setakat ini peruntukan-peruntukan bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat hanya untuk elauan guru dan peralatan pengajian sahaja dan Kementerian Pendidikan merasa ini sudah mencukupi.

Berkaitan dengan menambahkan masa untuk pengajian atau

pembelajaran Pendidikan Agama, Kementerian Pendidikan memang sentiasa memberi perhatian yang berat kepada Pendidikan Islam. Dalam sukatan baru Sekolah Rendah, penekanan diberi kepada kemahiran membaca Al-Quran. Begitu juga dalam KBSM iaitu satu kurikulum baru yang akan dijalankan di Sekolah Menengah, Pendidikan Islam pun akan diberikan masa dalam KBSM dan pada masa sekarang Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dalam KBSR juga telah ditambah dari 150 minit kepada 180 minit.

Kementerian juga akan berusaha untuk mencari langkah bagaimana menjalankan Pendidikan Agama dengan lebih berkesan. Pada tahun 1987 Kementerian Pendidikan dalam Bahagian Pendidikan Guru sudah mengambil tambahan sampai ke 333 orang guru-guru dan guru yang akan keluar pada tiga tahun hadapan untuk menjadi pendidik agama dan pada tahun 1988 pengambilan pun akan sampai kepada 300 lebih orang guru. Ini menunjukkan bahawa Kementerian sentiasa memberi perhatian berat ke atas Pendidikan Agama dan pada masa sekarang kita pun ada sekolah-sekolah agama yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan ini pun ada membantu kanak-kanak kita dan guru-guru yang sekarang berkhidmat di maktab agama di negeri masing-masing, itupun sudah diambil-alih oleh Kementerian Pendidikan Pusat ini dan gajinya akan dibayar oleh Kementerian Pendidikan. Ini pun adalah langkah yang menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan meningkatkan Pendidikan Agama di kalangan pelajar-pelajar.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Rantau Panjang pun ada membangkitkan supaya kita menambahkan asrama lebih banyak di tempat-tempat pendalaman. Di sini saya hendak memberi sedikit penjelasan berkaitan dengan

pembangunan asrama di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak \$49,334,000 telah diperuntukkan bagi melaksanakan 192 buah projek. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian telah memohon peruntukan bagi program asrama yang berjumlah \$286.2 juta untuk membina 227 buah projek yang boleh menampung 48,560 penghuni. Walau bagaimanapun, dengan peruntukan sebanyak \$51.1 juta sahaja dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pendidikan hanya dapat membina 95 projek yang dapat menampung 9,441 penghuni. Sebab itu Kementerian Pendidikan sedang memikirkan untuk mengadakan satu dasar bagaimana mengutamakan pembinaan asrama.

Bagi asrama pula, penyediaan kemudahan-kemudahan asrama bagi negeri-negeri yang sangat memerlukan dengan keutamaan diberi kepada negeri-negeri di mana jarak di antara sekolah dan kawasan tempat tinggal murid adalah jauh dan pengangkutan juga menjadi satu masalah yang besar dan di samping itu juga, sebahagian besar murid-murid yang terlibat adalah datang daripada keluarga yang miskin. Pembinaan sekolah-sekolah di kawasan-kawasan terpencil seperti itu juga sebaliknya didapati tidak ekonomik. Sebab itu Kementerian Pendidikan mesti mengagih-agihkan di mana tempat yang perlu diadakan asrama dan mengikut peruntukan yang terhad yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat dari Kok Lanas ada membangkitkan beberapa perkara yang khas sekali iaitu berhubung dengan bahasa universal yang kita patut pertingkatkan. Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi taraf bahasa Inggeris di kalangan murid-murid. Setakat ini berbagai-bagai langkah sedang diambil untuk mencapai

matlamat ini. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) melatih lebih ramai lagi guru-guru bahasa Inggeris;
- (ii) menggalakkan lebih banyak sekolah terlibat dengan rancangan bacaan tambahan bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah;
- (iii) memberi kursus tambahan di dalam bidang pengkaedahan bahasa Inggeris kepada guru-guru;
- (iv) mengeluarkan journal pengajaran atau pembelajaran bahasa yang memuatkan antara lain pengkaedahan pengajaran bahasa Inggeris;
- (v) memberi bimbingan iktisas kepada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris;
- (vi) menggalakkan lebih banyak sekolah menggunakan bahan panduan mengajar bahasa Inggeris yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan;
- (vii) mengadakan pengajar pemulihan kepada murid-murid yang lemah dan mengeluarkan program-program;
- (viii) mendedahkan penggunaan bahan-bahan panduan mengajar serta menunjukkan kaedah pengajaran bahasa melalui alat-alat bagi mengajar, seperti radio, kaset, TV dan video.

Tuan Pengerusi, selain daripada langkah-langkah yang sudah diambil yang saya telah sebutkan tadi, di universiti-universiti juga kita

membukakan kursus baru iaitu TESL atau Teaching of English as a second language di beberapa universiti tempatan untuk mengajar guru-guru supaya berprestasi baik untuk mengajar murid-murid kita di sekolah menengah dan di beberapa universiti juga kita pada tahun pertama di universiti ada menjalankan program atau rancangan amalan bahasa Inggeris untuk meningkatkan prestasi murid-murid masing-masing seperti di Universiti Malaya, di tiap-tiap fakulti mengadakan amalan bahasa Inggeris yang sesuai untuk fakulti atau untuk mata pelajaran itu. Sebelum murid-murid memasuki universiti, murid-murid itu mesti mengambil peperiksaan bertulis untuk memastikan bahawa murid-murid itu menguasai bahasa Inggeris, jika tidak mereka akan terpaksa untuk mengambil bahagian di dalam amalan bahasa Inggeris itu.

Saya juga menyokong cadangan Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa bukan sahaja bahasa Inggeris tetapi bahasa-bahasa Arab, Jepun, Mandarin dan sebagainya patutlah digalakkan di bidang pelajaran di negara kita ini dan baru-baru ini di sekolah menengah juga. Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudah mengumumkan bahawa satu mata pelajaran baru iaitu bahasa Perancis akan diatur untuk diajar di sekolah menengah pula.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Seremban sudah membangkitkan beberapa perkara seperti bahasa ibunda, masalah menaikkan pangkat guru-guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang baru-baru berlaku dan masalah pengkajian elektif bahasa Cina dan Tamil di Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah hendak menjawab kepada masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Seremban sebab kedua-dua perkara ini sudah pun

dibangkitkan di dalam Soal Jawab Mulut dan Soalan Bertulis beberapa hari dahulu dan ini pun sudah dibahas. Saya fikir dan yakin Yang Berhormat dari Seremban pun sudah faham langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kementerian Pendidikan atau Universiti untuk mengatasi perkara ini. Sebab-sebab atau alasan dan tindakan yang sudah diambil mengenai elective subjects di Universiti Malaya itu, izinkan saya tidak memanjangkan masa untuk memberi jawapan.

Yang Berhormat dari Bachok ada membangkitkan pula pelajaran Agama. Beliau memuji bahawa sukatan pelajaran itu baik tetapi masa yang diberikan untuk pelajaran Agama tidak berapa cukup dan bercadang untuk menaikkan ke 180 minit, itupun tidak berapa cukup juga.

Tuan Pengerusi, tujuan pendidikan Islam di sekolah ialah untuk memberi asas-asas kemahiran membaca Al-Ouran, bimbingan, ibadat dan akhlak untuk lebih berkesan serta menghayati ia memerlukan latihan-latihan dan bimbingan-bimbingan di luar bilik darjah terutama di rumah oleh ibu bapa murid itu. Peruntukan masa ini cukup dan sesuai sekiranya kerjasamanya itu dapat dilakukan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, selain daripada sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, kita mesti memberi perhatian bahawa mata pelajaran-mata pelajaran yang hendak dipelajari oleh murid-murid di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah ada banyak mata pelajaran yang sangat penting seperti bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Alam Manusia, Sejarah, Geografi, Matematik dan sebagainya.

Pada satu minggu kita memperuntukkan kepada satu sesi lebihkurang 1,400 minit di darjah I, II, III dan tidak sampai kepada 1,500 minit untuk darjah IV, V, VI sahaja

dan dikebanyakan sekolah khususnya di bandar, kita ada dua sesi dan sebab itu masanya tidak mengizinkan kita menambahkan masa untuk tiap-tiap mata pelajaran serta juga pendidikan Agama. Sungguhpun Kerajaan berhasrat untuk meninggikan prestasinya dan memberikan lebih masa, tetapi dengan peraturan kurikulumnya kita tidak dapat masa yang cukup. Oleh sebab itu, kita merayu kepada ibu bapa supaya membantu Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajaran Agama di sekolah seperti saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bachok pun ada membangkitkan mengenai tulisan Jawi dan petajaran Jawi. Kemajuan tulisan Jawi bukan hanya bergantung kepada penambahan masa tetapi kepada faktor-faktor lain seperti kajian guru dalam kaedah mengajar, persediaan guru mengadakan latihan di sekolah dan di rumah. Kementerian Pendidikan sedang mengadakan kursus-kursus khas kemahiran Jawi melalui kaedah-kaedah yang lebih berkesan. Ini pun ada terlibat dengan peruntukan masa di sekolah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bachok juga ada membangkitkan masalah LPBT. Kadar bantuan LPBT memang telah dikaji semula pada tahun 1982 yang mana kadar baru telah pun dipersetujui. Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum, keadaan ekonomi negara kita sejak tahun 1982 lagi tidak begitu menggalakkan dan sukar bagi kita melaksanakan kadar baru ini kerana melibatkan pertambahan peruntukan yang tinggi. Mengenai bantuan KBSR pula, ianya mempunyai peruntutannya sendiri dan tidak melibatkan peruntukan LPBT.

Yang Berhormat dari Sepang ada membangkitkan perkara seperti pendidikan guru, menurunkan

bilangan guru pelatih wanita dan meningkatkan bilangan lelaki guru-guru latihan, memberi latihan kepada guru komputer dan menambahkan bantuan elaun rumah guru dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pengambilan guru-guru wanita dan lelaki, pada tahun 1987 ini Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mengambil lebih banyak guru lelaki untuk memasuki Maktab Perguruan tetapi dengan dukacitanya kita dapati bahawa guru-guru lelaki tidak berapa minat untuk memohon menjadi guru pelatih. Oleh sebab itu, kita tidak dapat menarik lebih banyak lagi guru-guru lelaki. Keadaan ini kita bimbang akan berterusan pada tahun hadapan sebab banyak lepasan SPM tidak berminat untuk menjadi guru

dan jika tidak silap saya pada tahun 1987 guru-guru wanita yang memasuki Maktab Perguruan ialah lebihkurang 60% dan guru-guru.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin Bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung lagi pada hari Isnin.

Tuan Woon See Chin: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Majlis Mesyuarat ditangguhkan kepada hari Isnin, 23-11-1987, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.